

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 176 ● 5 - 11 OGOS 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## Jualan murah 2 kali seminggu di 39 lokasi sehingga Disember



WARGA kota bakal menerima manfaat daripada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia mulai 15 Ogos ini sehingga akhir tahun 2022.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata program tersebut bakal diadakan di 39 lokasi terpilih sekitar Kuala Lumpur sebanyak dua kali seminggu melalui trak MyGrocer@Wilayah.

"Program Jualan Murah Keluarga Malaysia akan diadakan menerusi trak MyGrocer@ Wilayah yang mana trak tersebut akan bergerak ke 61 kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Sekiranya terdapat permintaan di tempat lain ia akan digerakkan ke lokasi tersebut sekali gus membantu memudahkan pergerakan rakyat untuk mendapatkan barang dapur.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



MyMedic@Wilayah  
rawatan asas percuma untuk B40

>> 9, 10 & 11



Ramai muflis  
di Wilayah Persekutuan

>> 7



RUU larangan merokok,  
penyelesaian atau sebaliknya?

>> 15



Roti bomboloni  
tarikan Q'mar Bakery Cafe

>> 16

# Gelandangan, pelarian dalam senarai golongan rentan - PM

**GOLONGAN** gelandangan, individu tanpa dokumen perjalanan (*stateless*), pelarian, pesakit penyakit berjangkit dan miskin kini disenaraikan sebagai golongan rentan.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** berkata kerajaan bersetuju memasukkan kumpulan itu selepas memperluaskan definisi golongan rentan kepada 12 golongan.

"Definisi golongan rentan kini diperluaskan kepada 12 golongan antaranya gelandangan, individu tanpa dokumen perjalanan (*stateless*), pelarian, pesakit penyakit berjangkit, miskin dan sebagainya," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata demikian selepas mempergerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kabinet bagi kesejahteraan golongan rentan dihadiri Menteri, Timbalan Menteri berkaitan serta pegawai kanan kerajaan dan jabatan berkenaan.

Katanya, jawatankuasa itu merupakan platform khas meneliti

secara menyeluruh isu berkaitan pusat jagaan golongan rentan di negara ini, termasuk pusat jagaan kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas serta pusat tahfiz.

"Penubuhan jawatankuasa ini bagi merangka pendekatan holistik untuk memastikan kebijakan serta kesejahteraan mereka dilindungi daripada manipulasi, pengabaian dan penganiayaan."

"Keahlian jawatankuasa ini juga akan diperluaskan dengan penyertaan oleh wakil-wakil NGO yang berkaitan bagi penyalaran perlindungan golongan rentan," katanya.

Katanya, demi menangani isu gelandangan, Kementerian Wilayah Persekutuan menyedia dan mengawal selia pusat seperti Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Rumah Bimbingan Gelandangan dan Pusat Transformasi Anjung Kelana.

"Mesyuarat bersetuju mewu-



**MESYUARAT** Pertama Jawatankuasa Kabinet bagi kesejahteraan golongan rentan bersetuju mewujudkan rangka tindakan (*blueprint*) dan penubuhan jawatankuasa mengenai isu gelandangan.

judkan rangka tindakan (*blueprint*) dan penubuhan jawatankuasa mengenai isu gelandangan. Ini kerana pada masa kini, tiada puncak kuasa dan perundangan khusus

dalam pengoperasian dan pengendalian gelandangan di negara ini," katanya.

Katanya, menerusi mesyuarat itu juga, kerajaan turut bersetu-

ju dengan cadangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk meningkatkan pendaftaran pusat jagaan sedia ada serta menggandakan tindakan penguatkuasaan, termasuk menyemak semula Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] serta Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

"Sementara itu, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 [Akta 802] akan dikuatkuasakan sebagai persediaan kepada unjur Malaysia mencapai status 'negara tua' menjelang 2030 serta menyokong perkembangan industri penjagaan kesihatan warga emas di pusat jagaan swasta," katanya.

Katanya, kerajaan menerusi Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) pula akan memperkasa pendidikan dan penyeragaman pengurusan tahfiz di seluruh negara membabitkan 1,208 pusat tahfiz berdaftar sehingga kini, sejak DPTN mula diperkenal 2016.

"Kerajaan pusat dan kerajaan negeri perlu bersama meneliti status tanah bagi mempermudahkan pusat jagaan dan pusat tahfiz untuk mendapatkan kelulusan beroperasi. Contohnya, isu penukaran status tanah pertanian kepada tanah komersial bagi membolehkan pusat-pusat ini beroperasi dengan sah," katanya. **WK**

## Harga lebih murah daripada pasar raya

DIANA AMIR

DARI MUKA 1

"Bukan itu sahaja, penjualan melalui trak *MyGrocer@Wilayah* juga turut diberi subsidi di mana rakyat boleh membeli dengan harga dua kali ganda lebih murah berbanding di pasar raya," beliau membuat pengumuman itu ketika ditemu bual dalam Program Selamat Pagi Malaysia yang disiaran secara langsung di Saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada Rabu.

Bagi memperluaskan inisiatif tersebut, Shahidan berkata kerajaan bakal memberi subsidi barang sepanjang penjualan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia berlangsung.

"Pemberian subsidi tersebut bukan sahaja daripada kerajaan malah ahli parliment juga. Sebagai contoh sekiranya harga ayam bagi dua kilogram sebanyak RM16 dengan pemberian subsidi ia dikurangkan kepada RM13 dan penjualan di trak tersebut membolehkan warga Wilayah Persekutuan mendapatkan dengan harga serendah RM10," jelasnya.

Tambah beliau, selain subsidi usaha berunding bersama pihak peniaga bagi menurunkan harga barang juga sedang dilakukan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

"Kita telah menggerakkan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu memantau harga ayam di sekitar Kuala Lumpur dan secara purata harga



**SUBSIDI** kerajaan dan rundingan dengan pihak peniaga membolehkan harga barang dijual dengan lebih rendah.

nya adalah RM8.90. Usaha sedaya upaya sedang dilakukan di mana KWP bakal berunding berkenaan seawaan kedai bersama peniaga terlibat untuk menurunkan lagi harga ayam.

"Itu yang disebutkan sebagai jihad di mana kita mencuba sehabis baik dan kerajaan sedang memberikan komitmen penuh dalam menyelesaikan masalah kenaikan harga barang," ujarnya.

Selain itu, beliau menyatakan antara tujuan lain program tersebut dilaksanakan adalah untuk menampung permasalahan miskin tegar di Wilayah Persekutuan.

"Kita bagi subsidi namun ia tertakluk kepada harga pasaran sesuatu barang itu sendiri.

Penjualan ini membantu menampung permasalahan miskin tegar di sekitar Kuala Lumpur namun Program Jualan Murah Keluarga Malaysia ini adalah terbuka kepada seluruh Keluarga Malaysia kerana harga yang ditawarkan mampu milik," katanya.

Program Jualan Murah Keluarga Malaysia akan dilaksanakan di 639 Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara bermula 15 Ogos 2022 yang turut melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta KWP. **WK**

## Pelbagai program bantu golongan miskin - Shahidan

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) telah mewujudkan pelbagai program bagi membantu kira-kira 6,300 warganya yang dikategorikan sebagai miskin bandar.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata antara program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah memberikan peluang perniagaan kepada golongan muda di ibu negara.

"Awal tahun lalu kita telah isytiharkan bantuan kepada orang muda iaitu kios dan lesen berniaga percuma kepada 1,000 orang dan matlamat itu mesti dicapai menjelang Disember ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Bicara Naratif terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada Isnin.

Shahidan berkata kios yang dibina adalah bersifat separa kekal supaya mereka boleh berniaga di tapak kawasan tersebut untuk tempoh yang munasabah.

"Harga kios tersebut agak mahal sedikit iaitu RM35,000 kerana ia dilengkapi teknologi solar dan lain-lain dan jika kita tengok tempat laluan itu diberi lesen, itu kebanyakannya orang muda," katanya.

Katanya, antara inisiatif yang diberikan adalah kos penyelenggaraan percuma kepada penyewa PPR dan PA berjumlah RM9.4 juta ditanggung sepenuhnya oleh DBKL.

"Jadi di PPR dan PA ini, DBKL menanggung kos insurans dan penyelenggaraan dan ketika ini kita ada rumah PPR yang jumlahnya lebih kurang 40,000 unit dan PA adalah 20,000," katanya. **WK**



SHAHIDAN ke udara secara langsung dalam Rancangan Bicara Naratif di RTM.

# Perdana Menteri ‘Berjalan Teguh Bersama’ rakyat di Putrajaya

SABRINA SABRE

SERAMAI 15,000 peserta Keluarga Malaysia menyertai Program ‘Berjalan Teguh Bersama’ yang berkonsep berjalan secara santai sepanjang 2.7 kilometer bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Dataran Putra, Putrajaya baru-baru ini.

Program yang dianjurkan sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2022 ini turut dihadiri Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, Tan Sri TPr Annuar Musa serta Jemaah Menteri lain.

Menurut Ismail Sabri, Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini bertemakan ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’ amat bersesuaian dengan iltizam dan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesukuran.

“Teguh Bersama merujuk kepada kekuatan dan kesepadan

kolektif oleh Keluarga Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan semangat sebuah keluarga.

“Semangat ini harus disemarakkan dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat dalam usaha kita menyejahterakan kehidupan rakyat ketika mendepani cabaran ekonomi global.

“Saya yakin apabila kita melakukannya secara bersama-sama, tiada siapa yang mampu mengganggu-gugat keteguhan Keluarga Malaysia. Bak kata pepatah ‘segenggam lidi sukar dipatahkan berbanding sebatang lidi’,” kata beliau ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2022 pada Sabtu.

Tambah beliau, pelbagai program telah diatur dan bakal diadakan termasuk Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang sepanjang Sambutan Bulan Kebangsaan ini dan akan dimeriahkan dengan Sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Merdeka pada 31 Ogos serta Sambutan Hari Malaysia di Melaka pada 16 September ini.

“Istimewanya Bulan Kebangsaan ini ialah kita akan menyaksikan penyertaan seluruh Keluarga Malaysia mengibarkan Jalur Gemilang di merata-rata tempat seperti kawasan perumahan, kediaman, pejabat, sekolah dan banyak lagi.

**ISMAIL Sabri (tengah) berjalan sambil mengibarkan Jalur Gemilang pada Program ‘Berjalan Teguh Bersama’ di Putrajaya pada Sabtu lalu.**

“Saya gembira melihat suasana sebegini kerana ia akan menaikkan semangat patriotisme dalam diri kita untuk meneruskan perjuangan

dalam mengekalkan kebebasan yang dikehendaki sejak 31 Ogos 1957.

“Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Bulan Kebangsaan 2022, seluruh Keluarga Malaysia diseru untuk terus mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda cintakan negara dan menggelorakan semangat patriotisme,” katanya.

**Konsep Keluarga Malaysia Teguh Bersama mampu tangani cabaran**

KHAIRUL IDIN

TEMA hari Kebangsaan ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’ yang membawa makna kebersamaan semua pihak sebagai sebuah keluarga besar dalam mendepani cabaran dan memulihkan prestasi ekonomi negara.

Menurut Pengerusi Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias, semua pihak perlu bersama-sama berganding bahu ke arah memulihkan prestasi ekonomi kerana usaha tersebut merupakan satu jihad.

“Percayalah dengan semangat Keluarga Malaysia yang Teguh Bersama boleh membuka jalan pemulihan ekonomi negara ini.



**ISMAIL Sabri (tengah) berjalan sambil mengibarkan Jalur Gemilang pada Program ‘Berjalan Teguh Bersama’ di Putrajaya pada Sabtu lalu.**

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Labuan di Laman Wisma Perbadanan Labuan, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail, Ketua Polis Labuan, Superintendant Ahmad Jawi dan Pengarah Penerangan Labuan, Abd Rasil Hajatil.

Bashir yang juga Ahli Dewan Negara turut menyeri masyarakat di pulau ini khususnya agar bersama-sama Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi berganding bahu ke arah memulihkan prestasi ekonomi kerana usaha tersebut merupakan satu jihad.

“Berilah kepercayaan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pasukan khas ini agar segala usaha yang sedang dan akan diambil mampu membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup,” katanya lagi.

Terdahulu, seramai 200 peserta terdiri penjawat awam, swasta dan pelajar menyertai acara Berjalan Teguh Bersama sejauh dua kilometer. **WK**

**2,000 meriahkan pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan 2022**



**ANTARA acara yang berlangsung di Dataran Merdeka pada Sabtu lalu.**

AZLAN ZAMBRY

LEBIH 2,000 warga kota hadir bagi menyaksikan pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2022 di Dataran Merdeka pada Sabtu lalu.

Majlis yang diadakan serentak dengan Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan itu dilancarkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan turut dihadiri Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman, Komisioner (CP) Datuk Mat Kasim Karim.

Acara dimulakan dengan upacara naikkan Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku serta lagu Wilayah Persekutuan, Maju dan Sejahtera diiringi Pasukan Pancaragam daripada Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta



**BASHIR (tengah) bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang selepas Majlis Perasmian Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang.**

iringan 11 ekor kuda dari Unit Berkuda DBKL.

Kemuncak acara ialah nyanyian lagu-lagu patriotik dengan persembahan tarian gimik pelancaran menandakan bermula其nya Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2022.

Hadirin kemudian dipertontonkan aksi enam penerjun payung dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) membawa bendera Jalur Gemilang dan Wilayah Persekutuan serta membawa gegantung dan mendarat di padang Dataran Merdeka sebelum ia diserahkan kepada Mahadi untuk digantung dan dilancarkan sebagai simbolik kepada pelancaran program.

Selesai acara perasmian, Mahadi serta pegawai kanan DBKL mula mengedarkan Jalur Gemilang kepada orang ramai bagi menyemarakkan lagi Hari Kebangsaan yang akan disambut pada 31 Ogos akan datang. **WK**

Parlimen Kepong mahu kerjasama YWP

# Fokus kemiskinan bandar penduduk

HAZIRAH HALIM

**PEMANGKU** Ketua UMNO Bahagian Kepong, **Datuk Azman Taib** ingin terus bekerjasama dengan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) selaras matlamat utama membantu masyarakat yang memerlukan.

Menurut beliau, pihaknya akan merancang beberapa program lain melibatkan kerjasama YWP dengan memfokuskan pembasmian kemiskinan bandar dalam kalangan penduduk di Parlimen Kepong.

"Kami telah mengenal pasti hampir 90 peratus penduduk di sekitar kawasan Kepong merupakan miskin bandar dan akan berusaha untuk mengurangkan jumlah tersebut melalui pelbagai bantuan yang boleh disalurkan."

"Secara jujurnya, penglibatan YWP dalam setiap program di Parlimen Kepong telah membawa banyak kebaikan terutama dalam aspek kebijakan penduduk setempat, jadi sekiranya YWP dapat membantu meringankan atau mencari jalan untuk mengeluarkan mereka dari kesusahan tersebut, saya amat bersyukur."

"Bukanlah wang ringgit yang diminta tetapi apa sahaja bantuan lain seperti bantuan kepada peniaga-peniaga kecil, warga emas, makanan, peluang pekerjaan atau pendidikan yang ternyata dapat membantu mereka keluar dari kepompong ke-miskinan," kata beliau kepada *Wilayahku* selepas sesi penyerahan

Sumbangan Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 di Dewan DBKL Jinjang, Kepong, baru-baru ini.

Tambah beliau, pihaknya sentiasa terbuka jika ada pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) atau pihak lain yang ingin membantu warganya yang memerlukan.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Kementerian

Wilayah Persekutuan (KWP) dan YWP dalam menghulurkan sumbangan Bantuan Khas Persekutuan berupa beg sekolah dan wang tunai RM100 kepada 500 pelajar di Parlimen Kepong.

"Terima kasih kerana sentiasa membantu setiap parlimen di Wilayah Persekutuan terutama Parlimen



AZMAN

Kepong. Sekurang-kurangnya bantuan ini dapat meringankan beban keluarga golongan berpendapatan rendah (B40) dan menambah keceriaan pelajar untuk lebih bersemangat ke sekolah dengan beg sekolah baharu," katanya.

Pada majlis tersebut, beliau telah menyerahkan sumbangan kepada pelajar-pelajar bersama Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial,



SEBAHAGIAN pelajar yang menerima sumbangan berupa wang tunai dan beg sekolah.

Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T), Zahrulail Abdul Rahman yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Terdahulu, Program Bantuan Khas Persekutuan YWP 2022 Peringkat Parlimen Kepong adalah lokasi ke-12 bagi penganjurannya dan telah berakhir di peringkat Labuan pada Ahad lalu. Ia telah dilaksanakan di beberapa kawasan sebelumnya antaranya Parlimen Wangsa Maju, Parlimen Setiawangsa, Parlimen Batu, Parlimen Bandar Tun Razak dan lain-lain. WK

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi

[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby

[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)

Aini Roshidah Ahmad Mawawi

[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

### WARTAWAN

Khairul Idin

[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)

Deel Anjer

[deelanjer6@gmail.com](mailto:deelanjer6@gmail.com)

Sabrina Sabre

[sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)

Hazirah Halim

[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)

Diana Amir

[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid

[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)

Mohd Affandy Annuar

[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)

Fauzi Taib

[adhamfauzi05@gmail.com](mailto:adhamfauzi05@gmail.com)

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Amirullah Farij Hasan

[amirwkt@gmail.com](mailto:amirwkt@gmail.com)

Muhammad Syuqqree Mohd Dain

[syuqqreewilayahku@gmail.com](mailto:syuqqreewilayahku@gmail.com)

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir

[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)

Nurul Hazwani Haslan

[nhmm8686@gmail.com](mailto:nhmm8686@gmail.com)

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi

[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)

## CERITA KEDAI KOPITIAM

### Tak perlu beri kata dua

**KAWAN-KAWAN** Kedai Kopi baru-baru ini membaca laporan mengenai Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), menuntut pelaksanaan gaji baharu. Biasalah meminta kenaikan gaji daripada majikan. Majikan Cuepacs ialah kerajaan.

Cuma yang kawan-kawan Kedai Kopi rasa tidak seronok ialah tuntutan kali ini semacam ada unsur ugutan. Kata Presiden Cuepacs, Datuk Adnan Mat, gaji baharu mesti dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15. Jika gagal, anggota kesatuan sedia turun ke jalanan mengadakan pikit.

Cuepacs memberi alasan semakan gaji terakhir dilaksanakan pada 2002 dan sejak itu belum pernah dikaji semula. Kerana itu semakan perlu dibuat sejajar dengan keperluan masa kini di mana kos sara hidup meningkat dan harga barang terus naik.

Ertinya Cuepacs mahu gaji dinaikkan bagi mengimbangi keperluan perbelanjaan kakitangan kerajaan yang terbeban dengan barang mahal. Kawan-kawan Kedai Kopi pun tidak pasti berapa kadar kenaikan yang dianggap mencukupi untuk kakitangan awam.

Istilah 'cukup' sukar ditafsir. Tidak semestinya gaji naik dapat memenuhi semua keperluan. Ia banyak bergantung kepada kecenderungan perbelanjaan individu. Jika berbelanja tanpa kawalan atau di luar

kemampuan, kemungkinan besar setinggi mana pun kenaikan tidak akan mencukupi.

Yang lebih dikhawatir ialah apabila berlaku kenaikan, harga barang dan kos kehidupan ikut meningkat. Jadi ia tidak dapat memenuhi hasrat mengimbangi keperluan perbelanjaan. Adakah selepas itu mahu minta gaji naik lagi? Di mana penghujungnya?

Kenaikan kos sara hidup bukan dihadapi oleh kakitangan kerajaan sahaja, tetapi oleh semua orang. Yang bekerja di sektor swasta atau bekerja sendiri pun turut terjejas, malah lebih teruk. Oleh itu Cuepacs tidak wajar menggunakan alasan ini sebagai antara sebab utama menuntut kenaikan.

Ramai pekerja swasta hilang kerja dan terputus sumber pendapatan. Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lantaran pandemik COVID-19, banyak sektor ekonomi ditutup kerana tidak mampu bertahan, menyebabkan ramai pekerja dibuang.

Namun kakitangan kerajaan tidak merasai apa yang dirasai oleh pekerja swasta. Tidak ada yang dibuang kerja, gaji masuk setiap bulan. Hakikat ini sahaja sudah sepatutnya disyukuri oleh Cuepacs. Bayangkan mereka yang dibuang terpaksa bergelut dengan kepayaan untuk meneruskan hidup.

Namun bukan maksud kawan-kawan Kedai Kopi Cuepacs boleh menuntut kenaikan. Cuma waktu ini belum sesuai ketika kerajaan memberi tumpuan untuk memulihkan ekonomi yang sudah lama sakit. Pada masa sama kerajaan mahu lebih banyak peluang pekerjaan dibuka kepada mereka yang kehilangan kerja atau mencari kerja.

Jadi berilah peluang kepada kerajaan menstabilkan ekonomi terlebih dahulu demi kesejahteraan negara dan rakyat. Jangan lupa, kerajaan berbakti dan berkhidmat

untuk rakyat keseluruhannya, bukan kepada ahli-ahli Cuepacs sahaja.

Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi juga, tidak manis bagi Cuepacs memberi kata dua kepada kerajaan untuk berpiket jika gaji tidak disemak sebelum PRU-15. Tidak perlu ugutan kerana selama ini kerajaan sentiasa mengambil berat kebijakan kakitangannya.

Berilah ruang kepada kerajaan memperhalusi segala tuntutan. Ingatlah, faktor asas pertimbangan ialah kemampuan kedudukan kewangan negara. Kawan-kawan Kedai Kopi percaya apabila ekonomi stabil, kedudukan kewangan negara kukuh, Cuepacs akan mendapat apa yang diminta.

### Harga siling minyak masak

**HARGA** siling minyak masak botol lima kilogram ditetapkan pada harga RM34.70 sen mulai 8 Ogos ini. Harga ini lebih kurang sama seperti harga minyak masak saiz tersebut sebelum subsidi ditarik balik pada 1 Julai lalu. Ketika itu harga dalam lingkungan RM32 lebih sebotol.

Penurunan harga ini, berbanding harga selepas penarikan subsidi dalam lingkungan RM42 sebotol, sedikit sebanyak tentu melegakan pengguna. Namun perlu diingat ini bukan harga siling tetap. Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan ia tertakluk kepada penetapan bulan ke bulan.

Memetik Pengerusi Jihad Anti Inflasi, Tan Sri TPr Annuar Musa, kajian harga siling bulanan akan dikira berdasarkan harga minyak sawit mentah di pasaran, khususnya harga bahan tersebut pada bulan sebelumnya. Caranya, apabila Lembaga Minyak Sawit

Malaysia (MPOB)

meng-

umumkan harga minyak sawit mentah pada setiap awal bulan, ia akan dijadikan kayu

ukur menentukan harga runcit minyak masak tidak bersubsidi, iaitu dalam botol satu

hingga tiga kilogram.

Kaedah ini sama seperti mekanisme penentuan harga minyak bahan bakar iaitu petrol dan diesel. Bezanya penentuan bahan bakar dibuat secara mingguan berdasarkan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya pengguna begitu merindui harga minyak masak dahulu, di mana sebotol seberat lima kilogram berharga antara RM22 hingga RM25 sahaja. Namun dengan harga sawit yang tinggi di pasaran dan kos operasi yang meningkat, harga ini hanya sekadar kenangan lalu.

Namun menjadi harapan rakyat harga tidak melambung terlalu tinggi kerana Malaysia sendiri ialah pengekspor minyak sawit kedua terbesar di dunia selepas Indonesia. Sejarah dengan kedudukan ini, harga minyak masak tidak harus terlalu tinggi.

Selain itu, diharap kerajaan akan berusaha memastikan bekalan minyak masak bersubsidi dalam paket satu kilogram sentiasa mencukupi kerana ia adalah pilihan utama pengguna. Kerap terdengar bahan ini sukar didapati di pasaran.

Apabila pengguna hendak membeli, seringkali jawapan pemilik pasar raya atau kedai ialah 'bekalan sudah habis'. Justeru kerajaan perlu mengarahkan pihak pengeluar menambah pengeluaran. Pada masa sama pastikan bahan ini tidak diseludup sehingga lebih mudah mendapatkannya di luar berbanding di negara sendiri.

# DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

**wilayah Ku**

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
26cm X 33cm  
**RM7,500**



HALF PAGE  
26cm X 17cm  
**RM5,500**



QUARTER PAGE  
12cm X 17cm  
**RM4,500**



PANEL PAGE  
[INNER]  
26cm X 6cm  
**RM4,500**

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER  
1080px X 96px  
**RM2,500**

MIDDLE BANNER  
1080px X 280px  
**RM2,000**

MEDIUM RECTANGULAR  
350px X 280px  
**RM1,500**

HALF PAGE  
350px X 500px  
**RM1,000**

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:  
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# Putrajaya yang aman sejahtera



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**M**ENYUSUR sepanjang pinggir tasik dari belakang Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin atau dikenali juga sebagai Masjid Besi hingga ke Masjid Putra adalah pengalaman pagi yang mengasyikkan di Putrajaya. Dalam deru kereta dan manusia hilir mudik ke tempat kerja, alam tetap memberi ketenangan kepada warganya.

Ketenangan seperti ini jarang ada di bandar utama lain di negara ini. Salah satu sebabnya Putrajaya adalah petempatan baharu daripada tanah lapang. Tidak bermula secara semula jadi seperti Kuala Lumpur yang dulunya kawasan lombong yang tidak terancang.

Putrajaya salah satu daripada Wilayah Persekutuan selepas Kuala Lumpur dan Labuan. Terletak di tengah-tengah Selangor sama seperti Kuala Lumpur. Bezanya Putrajaya dirancang sebagai pusat pentadbiran yang menempatkan kediaman sebahagian besar penjawat awam.

Berdirinya Putrajaya pula bukan sahaja bagi mengatasi kesesakan di pusat pentadbiran yang sebelum ini tertumpu di Kuala Lumpur. Pada masa yang sama inilah sebuah model petempatan baharu yang paling terancang. Ia menepati hidup dan tuntutan sosial.

Ayer Lapan di Presint 8 antara kawasan riadah dan menjamu selera yang sangat popular. Malam minggu di Ayer Lapan sentiasa meriah dan menjadi tumpuan pengunjung. Kanak-kanak berlari dan mengejar buih yang terbang dan meluncur laju dibawa angin. Hal ini memberikan suasana yang penuh kekeluargaan.

Tersedia deretan restoran yang menghadap tasik dan di seberang sana ada gemerlap lampu dari Masjid Besi. Cahayanya terpantul di permukaan yang gelap dan berombak kecil. Ayer Lapan antara destinasi keluarga yang menjadi tumpuan. Restoran sentiasa penuh dan nyaring dengan suara kanak-kanak menyerikan suasana.

Beigitulah cara warga Putrajaya mengisi masa luang. Itu jugalah satu kehidupan malam bersama-sama keluarga. Walaupun ada pihak mendakwa malam di Putrajaya penuh sepi dan mati, sebenarnya sangat meriah dengan cara tersendiri. Tidaklah meriah seperti Jalan P Ramlee atau Jalan Bukit



**PUTRAJAYA** boleh dijadikan projek perintis petempatan baharu yang mendokong nilai-nilai Islam.

## Bintang.

Dulunya ada pihak cuba memperkenalkan pusat hiburan di Putrajaya. Katanya suasana malam terlalu sepi dan mati. Bagaimanapun kemudiannya dinafikan sendiri apabila banyak pihak menentang cadangan itu. Media terutama surat khabar menyiaran ‘usahanya’ individu berkenaan secara besar-besaran.

Sudah pasti kalau tanpa tantangan, bingit dan berdansalah Putrajaya seperti Jalan P Ramlee atau Bukit Bintang. Begitulah malangnya apabila kemeriahan malam di Putrajaya yang tidak dimengerti, jauh sekali dirasai oleh jiwa pihak yang ada kuasa.

Kedamaian di Putrajaya mengingatkan saya pada novel, *Baldatun Thoiyyibatun*. Novel karya Pelita Dalam Kaca ini dipilih memenangi kategori novel Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada 2011. Saya mengulang baca novel ini kerana sangat terpikat dengan gambaran sebuah kota yang aman dan sejahtera menjadi latarnya.

*Baldatun Thoiyyibatun* istilah bahasa Arab yang terjemahan secara longgarnya bermaksud ‘negara yang aman dan sejahtera.’ Aman dan sejahtera dalam konteks novel ini adalah kota yang mendokong prinsip-prinsip Islam yang sangat.

Menerusi imaginasinya, pengarang membina model kota impian itu di Malaysia. Kota Cahaya dalam novel ini pula adalah model sebuah bandar yang maju dan terpelihara teras gaya hidup Islamnya. Bukan sahaja bercirikan Islam malah maju daripada segenap sudut.

Kota Cahaya dibina berteraskan nilai-nilai seperti keadilan, ketertiban, kebersihan dan kebenaran Islam. Malah pembangunan prasarana, sistem undang-undang, pendidikan, pendaulatan ilmu dan ilmuwan yang sejajar dengan kehendak Islam.

Sesudah beberapa kali menghabisi novel ini, saya percaya Kota Cahaya adalah Putrajaya yang dijadikan rujukan pengarang. Sama sekali Kota Cahaya tidak dibina dalam imaginasi sebaliknya terpantul daripada yang ada.

Walaupun Putrajaya tidak diuar-uarkan Islamnya seperti Kota Bharu Bandar Raya Islam, saya percaya Putrajaya sangat menonjol dengan ciri-ciri itu.

Nilai-nilai kesejahteraan dalam kehidupan yang digarap di Putrajaya bukan sahaja untuk Islam malah mengambil kira kepentingan bukan Islam. Golongan bukan Islam pasti tidak rasa terasing dalam menikmati aman dan sejahtera cara hidup Islam. Suatu yang penting untuk ditegaskan adalah ciri-ciri Islam bukan sahaja dilihat malah dirasakan di jiwa.

Putrajaya dibina dengan roh Islam. Hal ini telah digariskan bahawa pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini bebas arak, pusat hiburan dan segala kegiatan yang menjadi agen pembudayaan yang merosakkan. Kepimpinan Putrajaya sejak dulu hingga kini memahami hakikat ini dan terus melestarikan teras demikian.

Tidak mewujudkan pusat hiburan adalah satu pendirian dan keputusan yang sangat tepat. Putrajaya adalah petempatan

**‘Tidak mewujudkan pusat hiburan adalah satu pendirian dan keputusan yang sangat tepat. Putrajaya adalah petempatan baharu yang dari awal lagi dibentuk kerangka sosiobudayanya. Maknanya pertumbuhan sosiobudaya tidak diberi ruang untuk tumbuh dan meliar.**

baharu yang dari awal lagi dibentuk kerangka sosiobudayanya. Maknanya pertumbuhan sosiobudaya tidak diberi ruang untuk tumbuh dan meliar.

Pusat hiburan berpotensi membawa penyakit sosial tiga serangkai kepada masyarakat persekitaran. Hakikat ini tidak boleh dinafikan sama sekali. Definisi ‘hiburan’ dalam konteks ini mesti difahami kesan buruknya dan tidak ada kena mengena dengan seni.

Seiring dengan wujudnya pusat hiburan akan berkembanglah gaya hidup yang berkaitan dengan penagihan arak, eksplorasi wanita dan jerayah yang disebabkan oleh persekitaran tadi. Pasti akan ada manusia mabuk mundar-mandir di kaki lima yang selama ini bebas daripada perkara itu.

Setakat ini gaya hidup di Putrajaya mencatatkan tidak berlaku sebarang gejala keruntuhan akhlak, pergaulan bebas, pembuangan bayi dan gelagat mat rempit serta minah motor yang merosakkan ketenteraman. Sekali lagi, hidup yang rukun ini juga dinikmati oleh bukan Islam.

Gaya hidup begini mesti dilestarikan untuk masa yang akan datang. Siapa sahaja yang memegang teraju kepimpinan Putrajaya, Wilayah Persekutuan dan negara ini perlu memastikan kelangsungan nilai-nilai yang sedia ada.

Putrajaya boleh dijadikan projek perintis petempatan baharu yang mendokong nilai-nilai Islam tanpa mewujudkan rasa kurang senang dalam kalangan bukan Islam.

Cara hidup Islam yang sebenar adalah menjaga dan melindungi dalam kalangan bukan Islam. Dengan berbuat demikian akan wujudlah suasana

kehidupan yang harmoni tanpa dibatasi perbezaan pegangan agama. Majoriti warga Putrajaya yang terdiri daripada Islam adalah benteng melindungi yang bukan Islam.

Selama ini tetamu dari luar negara sangat berbangga dengan Putrajaya walaupun tidak diperagakan sebagai kota Islamik. Ketika sesetengah pihak membuat andaian golongan pelancong suka arak, judi dan pusat hiburan, Putrajaya menongkahnya dengan yakin. Pada masa yang sama membuktikan kemajuan bukanlah semestinya mendatangkan kerosakan.

Setakat ini tidak ada kejadian jenayah besar yang mengusarkan sekalian warga. Warga Putrajaya hidup dalam keadaan aman dan selamat. Walaupun ada kawasan yang dilabelkan sebagai kediaman elit, tetapi amalan hidup berjiran tetap diamalkan dan menjadi keutamaan.

Oleh hal yang demikian karakter dan ciri-ciri Putrajaya yang sedia ada mesti dipertahankan. Putrajaya adalah bukti cara hidup Islam menjadikan kota pentadbiran Persekutuan ini terhindar daripada gejala sosial dan pembudayaan yang meruntuhkan.



## ANATOMI SEBUAH KOTA

Kota ini, bukan pentasnya sandiwara ada cerita dalam cerita berlapis-lapis topeng pekat hitam bayang-bayang kerana lampunya adalah matahari dan suramnya adalah rembulan.

Ini kota, adalah pelangi waktu langit yang selalunya cerah rezeki ada di mana-mana selagi sanggup untuk berlumba dengan peluh dan air mata.

Kota ini, sese kali bagi senja berseninya dengan adiwaran untuk direbut kesemertaraan sebelum cahaya berubah menjadi kelam.

Ini kota, tidak menyimpan apa-apa, kecuali semangat dan hati yang waja serta gagasan bersama kudrat yang tak pernah mengenal, erti kecewa dan makna putus asa!

**Solihin Osman**  
Dangau Seni, Kangar.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Ramai muflis di Wilayah Persekutuan

**W**ILAYAH PERSEKUTUAN (WP) menduduki tempat kedua penduduknya paling ramai muflis di Malaysia, iaitu 2,023 individu dari tahun 2020 hingga Mei tahun ini (2022). Keseluruhannya terdapat 17,600 rakyat negara ini yang diisyihar muflis dalam tempoh tersebut.

Negeri Selangor, menduduki tangga teratas carta dengan 4,164 individu, lebih sekali ganda berbanding Wilayah Persekutuan. Ini diikuti Johor (1,987), Sabah (1,642) dan Perak 1,278 individu.

Seterusnya 976 individu diisyihar muflis di Kedah; Pulau Pinang (949), Sarawak (948), Negeri Sembilan (831), Pahang (776), Kelantan (724), Terengganu (569), Melaka (453) dan 99 di Perlis.

Angka ini diperincikan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam jawapan kepada soalan Ahli Parlimen Sungai Siput, Karupaiya Mutusami, di parlimen baru-baru ini. Beliau ingin tahu berapa ramai rakyat negara ini yang telah diisyiharkan muflis sehingga kini.

Berdasar angka keseluruhan, bagi Adi jumlah individu muflis di negara ini nampak merisaukan. Dua negeri berjiran, Selangor dan Wilayah Persekutuan, yang dianggap maju dan makmur, masing-masing menduduki juara dan naib juara. Barangkali ini fakta yang wajar direnunggi bersama.

Sekali pun dalam jawapannya JPM tidak menjelaskan secara terperinci punca individu terlibat diisyihar muflis, antara punca utama muflis yang kerap dilaporkan dalam media sebelum ini ialah disebabkan penggunaan kad kredit. Selain itu, kegagalan membayar pinjaman dengan pihak bank.

Dalam era serba maju ini banyak pihak beranggapan kad kredit perlu dalam kehidupan sehari-hari bagi memudahkan urusan jual beli tanpa menggunakan wang secara fizikal. Mungkin ini benar jika penggunaan kad diurus dengan baik, tidak berbelanja melebihi kemampuan atau had kredit ditetapkan. Jika melepas batas kemampuan, masalah akan mula menjelma yang akhirnya membawa padah dalam jangka masa panjang.

Sayangnya ramai pemegang kad tidak beringat serta tidak mengambil berat risiko ini sehingga mendorong mereka berbelanja tanpa berhemah. Setiap bulan apabila bil sampai selalunya hanya membuat bayaran minimum. Kerana itu hutang pokok tidak banyak bergerak, ditambah pula dengan faedah yang mesti dibayar.

Lama-kelamaan hutang kian bertimbun dan mula menghadapi masalah untuk membayar.



MENURUT fakta Jabatan Insolvensi, secara purata seramai 18 individu diisyihar muflis setiap hari dalam lima bulan pertama tahun ini.

Apabila sudah terlalu lama tidak dibayar, pihak pengeluar kad mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut baki tertinggak. Tidak mampu membayar, akhirnya pemilik kad diisyihar muflis.

Kerana itu Adi ingin nasihatil pemilik kad agar berhati-hati berbelanja. Jangan ikut rasa hati membeli-belah sesuka hati, maklum membeli secara kredit tidak terasa mengeluarkan wang. Hendak beli apa sahaja barang, hulus sahaja kad. Pada akhirnya diri sendiri yang terbelit.

Lebih baik membeli-belah menggunakan wang tunai atau kad bank kerana sudah tahu jumlah wang dalam simpanan yang boleh diguna pakai. Dengan itu perbelanjaan dapat dikawal, tidak melebihi apa ada dalam simpanan dan tidak terbeban di kemudian hari.

Jika ingin membeli barang berkenan di hati tetapi duit belum cukup, sebaiknya kumpul dahulu sehingga mencapai jumlah yang diperlukan. Ini lebih baik daripada membeli dengan cara berhutang. Hati pun senang kerana barang dibeli secara tunai.

Kepada golongan remaja, terutama yang baru bekerja dan ghairah hendak memiliki kad kredit, nasihat Adi fikir dengan teliti. Jika tidak perlu atau merasa tidak mampu, jangan memohon kad kredit semata-mata hendak menunjukkan gaya hidup mewah dan berprestij. Risikonya tinggi.

Rekod menunjukkan daripada keseluruhan yang muflis, ramai daripadanya golongan muda berumur 25 tahun dan ke bawah. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, seramai 239 individu dalam kategori umur tersebut muflis dari 2018 hingga Mei tahun ini.

Selain itu, 9,913 kes muflis pula direkodkan di kalangan mereka dalam lingkungan umur 25 hingga 34 tahun serta 17,213 kes melibatkan mereka berumur antara 35 hingga 44 tahun.

Jika diteliti, ketara majoriti yang muflis melibatkan golongan umur antara 35 hingga 44 tahun yang dianggap sebagai golongan masih muda. Pada usia ini sudah terjejak muflis, entah bila mampu membebaskan diri.

Adakah mereka ini dalam

kelompok yang ghairah berbelanja menggunakan kad kredit atau membuat pinjaman peribadi dengan mana-mana institusi kewangan? Dalam usia sedemikian mereka mungkin mahu hidup bergaya sedangkan kemampuan tiada.

Selain itu hayati fakta yang didehdakan oleh Jabatan Insolvensi kerana ia sebenarnya sangat merisaukan. Menurut jabatan itu, secara purata seramai 18 individu diisyihar muflis setiap hari dalam lima bulan pertama tahun ini. Bagi Adi, angka ini sangat membimbangkan.

Jika aliran ini berterusan, bayangkan berapa ramai lagi akan diisyihar muflis sehingga hujung tahun dan tahun-tahun akan datang. Sepatutnya ini menjadi peringatan kepada semua orang agar menghindarkan diri jangan sampai terjerumus ke dalam kancang muflis.

Sebelum ini Jabatan Insolvensi telah meminda Akta Insolvensi untuk meningkatkan jumlah boleh diisyihar muflis daripada RM50,000 kepada RM100,000. Jika jumlah ini tidak dinaikkan, Adi fikir besar kemungkinan lebih ramai terperangkap dalam kes muflis.

Ada juga desakan daripada pihak tertentu agar angka boleh muflis dinaikkan lagi melebihi paras RM100,000. Alasannya agar angka individu muflis tidak terlalu tinggi.

Bagi Adi, ini bukan alasan yang boleh diterima, tambahan Jabatan Insolvensi sudah menaikkan kadar berkenaan sebelum ini. Masakan setiap kali kes muflis meningkat maka had boleh muflis hendak dinaikkan agar ramai boleh terlepas.

Jika dilakukan pun, ini tidak menyelesaikan masalah jika individu tertentu memang mempunyai banyak hutang. Tanpa diisyihar muflis pun, hutang yang banyak akan menjadi beban yang berat ditanggung.

Naiklah ke tahap mana pun kadar boleh muflis, selagi tidak dibayar, hutang akan tetap

“ Rekod menunjukkan daripada keseluruhan yang muflis, ramai daripadanya golongan muda berumur 25 tahun dan ke bawah.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, seramai 239 individu dalam kategori umur tersebut muflis dari 2018 hingga Mei tahun ini.

menjerat diri. Akhirnya hutang ini yang akan membawa mereka ke jalan muflis.

Apabila sudah diisyihar muflis, kehidupan tidak lagi bebas seperti dahulu. Nama disenarai hitam, tidak boleh membuat pinjaman, tidak boleh ke luar negara dan pelbagai lagi kekangan lain yang menyebabkan kehidupan seperti dibenggu. Mahukah ini terjadi?

Ketika ini menyesal sudah tidak memberi makna. Dahulu seronok berbelanja tanpa memikirkan akibat. Ini namanya senang-senang dahulu, sakit kemudian. Sudah terhantuk, tengah pun tidak guna. Beban terpaksa ditanggung sehingga hutang dilunas dan nama dibebas daripada senarai muflis.

Justeru yang penting ialah sentiasa beringat dan mengawal perbelanjaan. Biar nampak tidak mewah tetapi hati senang tiada hutang mengganggu.

Berbelanja menurut keperluan serta kemampuan diri, seperti kata cerdik pandai, ukur baju di badan sendiri. Jangan sudah muflis baru menyesal. Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

Adi - Hidup sederhana

*Adi Taib*

## SKETSA



**SAJAK**

CINTA SECANGKIR KOPI

Falsafah kopi cinta di gaun bulan lima wajah syurga dan jiwa cermin kemisterian wanita anggun di balik tugu jelita pantai pelukan bahagia lembut bicara semanis dunia dijaga kesucian batinnya andai cemburu antara rasa akan aku tukar paket rahsia ke dalam resipi istimewa secangkir kekasih luar biasa menelaah fikir air mata seorang lelaki kopi mulia menjadi zat benih bernaya

Gabriel Kimjuan  
Taman Mutiara,  
Labuan, Malaysia.  
17 Julai 2022

Bantuan ringankan beban pengajian

# Sebak anak terima biasiswa YWP

KHAIRUL IDIN

**H**ANYA linangan air mata yang mampu menceritakan betapa bersyukurnya **Abidin Zaidin**, 47, dan isteri Hayati Kadir, 48, apabila anak kesayangan mereka, Mohd Azri Abidin, 21, mendapat tajaan biasiswa Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) baru-baru ini.

Ternyata tajaan tersebut dapat meringankan beban mereka untuk persediaan Mohd Azri melanjutkan pengajian di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam bidang Sarjana Muda Sains Makanan.

“Alhamdulillah, syukur tidak terkata dengan rezeki yang diberikan kepada anak kami sekurang-kurangnya biasiswa ini dapat membantu dia meneruskan pengajian dan seterusnya mencapai cita-citanya selama ini.

“Kami bangga atas usaha yang dia curahkan selama ini untuk ke menara gading. Hanya doa yang tidak putus-putus kami panjatkan



KETUA Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (dua kiri) menyerahkan dokumen perjanjian tajaan biasiswa kepada Mohd Azri.

semoga Allah permudahkan urusan dia menuntut ilmu,” ujar Abidin dengan linangan air mata.

Dia yang ditemui sejurus majlis ringkas menandatangani perjanjian tajaan biasiswa YWP di sebuah ho-

tel di Labuan pada Ahad lalu turut menzahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada YWP.

“Terima kasih kepada YWP kerana memberi tajaan biasiswa untuk anak saya melanjutkan pengajian. Jika tiada bantuan ini mungkin agak sukar kerana kami bukanlah orang senang,” ujarnya kepada Wilayahku.

Mohd Azri yang sedang menuntut di UniSZA merupakan anak jati Labuan pertama yang layak menerima biasiswa YWP selain merupakan pelajar terakhir memperoleh tajaan tersebut bagi sesi 2021.

Sehingga kini, YWP telah memberikan tajaan biasiswa kepada 400 pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang menyambung pengajian sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Dalam pada itu, YWP turut menggalakkan pelajar di Wilayah Persekutuan yang ingin melanjutkan pelajaran agar mengemukakan permohonan bagi bantuan awal

**Info ADUAN**

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8000 8000  
Aduan : 03-8887 3000



**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852



**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

kemasukan ke universiti secara one-off.

Ia bagi memudahkan urusan ibu bapa, penjaga dan pelajar membuat persediaan awal dari pelbagai segi antaranya barang keperluan peribadi, buku dan yuran yang memerlukan belanja besar. WK

## Pemenang ‘The Big Win’ bawa pulang Proton X50 Flagship

DIANA AMIR

**P**EMENANG utama Kempen Cabutan Bertuah ‘The Big Win’, **Rabiatal Afiqah Mohd Rahim**, 30, tidak menyangka dapat membawa pulang sebuah Proton X50 Flagship pada Majlis Penyerahan Hadiyah Utama yang diadakan di Centre Court Pusat Beli-Belah Alamanda, baru-baru ini.

Berkongsi keterujaan apabila diumumkan sebagai pemenang hadiah utama, Rabiatal menganggap ia merupakan rezeki yang tidak disangka-sangka memandangkan peraduan tersebut disertai lebih 4,000 peserta.

“Saya sangat terkejut dan tidak percaya boleh memenangi cabutan bertuah ini semasa menerima panggilan dari pihak Alamanda. Agak kerap juga saya menyertai pertandingan cabutan bertuah sebelum ini tetapi ‘tuah’ saya belum kunjung tiba sehingga saat ini,” ujar suri rumah itu.

Tambahnya, dia sering kali mengunjungi Alamanda memandangkan ibu dan abangnya tinggal berdekatan.

“Lokasi Alamanda yang sangat strategik ini memudahkan perjalanan ke sini dan

segala-galanya boleh didapati di syurga membeli-belah ini,” katanya yang menetap di Seremban.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien**, berkata Kempen Membeli-belah ‘The Big Win’ setiap pembelian bernilai RM300 di kedai terpilih dengan maksimum dua resit pembelian, melayakkan pembeli menerima sekeping baucar beli-belah bernilai RM30 dan layak untuk menyertai pertandingan cabutan bertuah yang tamat pada 26 Jun lalu.

“Hadiah utama Proton X50 yang ditarikan adalah varian ‘Flagship’ yang dilengkapi dengan kepelbagaiannya ciri dan spesifikasi premium dan menarik.

“Kejayaan kempen ini adalah hasil usaha kolaborasi bersama pihak Alamanda dan pengedar sah Proton Malaysia, The Apple Auto Services & Tyres Sdn Bhd yang berlokasi di Bandar Baru Bangi,” jelasnya berkenaan kempen tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut Pengurus Besar Alamanda, Pang Sook Fong dan Ketua Pegawai Eksekutif The Apple Auto Services & Tyres Sdn Bhd, Vincent Phang. WK



ANDREW (kiri) menyerahkan hadiah utama ‘The Big Win’ berupa Proton X50 Flagship kepada Rabiatal.

## CDERT komited bantu komuniti hadapi kecemasan

SABRINA SABRE

**S**ERAMAI 37 ahli pasukan Sukarelawan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) Keluarga Melayu diberi pendedahan latihan di Dewan PPAM Seruling, Presint 5, Putrajaya dalam usaha membolehkan anggotanya lebih cekap melaksanakan misi bantuan.

Menurut Setiausaha CDERT Keluarga Melayu PPAM Seruling Parlimen Putrajaya, **Zulfadly Abdul Hamid**, sukarelawan berkenaan dilatih berhubung bencana dan tindakan bantuan segera yang boleh dilakukan menerusi Latihan Asas Pertolongan Cemas CDERT Keluarga Melayu.

“Baru-baru ini, kami telah mengajukan Latihan Asas Pertolongan Cemas CDERT Keluarga Melayu PPAM Seruling Parlimen Putrajaya bersama Angkatan Pertahanan Awam Daerah Putrajaya untuk ahli-ahli CDERT yang tinggal di kediaman berstrata seperti projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di sekitar Putrajaya.

“Program latihan yang dibuat ini bertujuan membantu mengurangkan kesan terhadap sesuatu kecemasan atau bencana di peringkat awal.

“Latihan bantuan keselamatan yang dilakukan juga membolehkan sukarelawan berkenaan sentiasa bersiap siaga sepanjang masa ketika menghadapi sebarang kecemasan dan pada masa sama mengetahui apa bantuan segera yang boleh dilakukan sementara menunggu pasukan penyelamat dan agensi bertanggungjawab seperti pihak Angkatan Pertahanan Awam



SESI amali asas pertolongan cemas yang dikelolakai jurulatih APM baru-baru ini.

(APM) tiba,” katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Zulfadly berkata penubuhan CDERT Keluarga Melayu adalah selaras dengan Bulan Kesiapsiagaan Nasional yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob pada Oktober lalu, supaya rakyat dan komuniti bersiap siaga bersama agensi terbabit dalam berdepan bencana serta musim tengkujuh.

“Penubuhan CDERT amat penting kepada masyarakat kerana selain pasukan penyelamat ia juga merupakan satu jambatan antara pemimpin, rakyat dan kerajaan.

“Pendedahan kepada latihan asas ini perlu dipraktikkan sekiranya berlaku kecemasan di rumah, tempat-tempat awam dan sebagainya,” tambahnya.

Turut hadir menjayakan program tersebut, Pengurus CDERT, Ramli Hashim, Pegawai Unit Pengurusan Angkatan Pertahanan Awam Daerah Putrajaya, Kapten (PA) Nasihah Nizar serta wakil penduduk dari PPAM Saderi, PPAM Larai dan PPAM Palma. WK

REALITI KEHIDUPAN



5-11 OGOS 2022. Bil 176

# MyMedic@Wilayah rawatan asas percuma untuk golongan B40



**K**OMITMEN Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam membantu warga kota yang berpendapatan rendah tidak terhad kepada pemberian bantuan makanan semata-mata. Ia bahkan diperluas sehingga kepada penjagaan kesihatan asas melalui Program MyMedic@Wilayah di bawah Inisiatif Wilayah Cakna.

Segalanya bermula apabila Kerajaan Persekutuan yang mahukan lebih ramai rakyat Malaysia diberikan suntikan vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi membuka semula sektor ekonomi. Bagi mencapai sasaran tersebut, KWP telah merintis program bagi mempercepatkan program suntikan imunisasi berkelompok dapat dicapai terutama di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur.

SAMBUNGAN DI MUKA 10

**RUANG rawatan yang luas, selesa dan lengkap dengan peralatan khusus agar warga kota mendapat perkhidmatan terbaik.**




FOTO: AMIN FARU HASAN  
**AZLAN ZAMBRY**

#### DARI MUKA 9

**MENURUT** Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Sosio Ekonomi KWP, Nurul Hidayah Zulkifli, program ini telah dilancarkan secara maya oleh Perdana Menteri pada 1 Februari 2021 sempena Hari Wilayah Persekutuan.

"Program ini mengkhususkan kepada perkhidmatan rawatan kesihatan asas tanpa sebarang caj perubatan yang dikenakan kepada penduduk dan ia merupakan perkhidmatan percuma untuk warga kota yang kurang berkemampuan," katanya kepada *Wilayahku* pada Sabtu.

Beliau berkata bagi menjayakan program ini, tiga buah bas yang telah diubah suai menjadi klinik

bergerak dikenali sebagai bas medik telah dibenar beroperasi di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan.

"Setiap bas medik itu mesti lengkap dengan pasukan perubatan yang terdiri daripada seorang pegawai perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC), seorang pembantu perubatan atau jururawat berdaftar seorang pendaftar dan pemandu," katanya.

Katanya, program *MyMedic@Wilayah* ini hanya dikhususkan untuk warga negara sahaja dan tidak akan menerima warga asing dan penduduk diwajibkan mengemukakan kad pengenalan untuk tujuan pendaftaran.

"Program ini tidak terhad kepada warga PPR atau PA sebaliknya ia terbuka untuk semua warga negara dan penduduk dari kawasan berdekatan dibenarkan untuk mendapatkan perkhidmatan seperti

warga PPR dan PA yang lain," katanya.

Nurul Hidayah berkata, untuk memantapkan lagi program tersebut, Yayasan Al-Bukhari telah pun menyumbangkan empat buah bas yang diubah suai dan ia telah diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Sasaran untuk empat buah bas medik ini adalah untuk memberikan perkhidmatan ini dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 10,000 warga Kuala Lumpur.

"Setakat ini, pihak KWP dalam proses tender bagi mendapatkan operator untuk menjalankan program ini dan lokasi perkhidmatan akan ditentukan oleh DBKL," katanya.

Tambah beliau, pihaknya sentiasa membuat penilaian dari semasa ke semasa terhadap perkhidmatan



**NURUL HIDAYAH**

yang diberikan oleh pihak vendor agar mencapai hasrat KWP dalam memberikan kesejahteraan kepada warga kota yang berpendapatan rendah di ibu negara.

"Kita memang akan menilai perkhidmatan yang diberikan oleh pihak vendor dan

sekiranya mereka melanggar peraturan seperti tiba lewat berbanding jadual yang diberikan atau apa jua kesalahan lain, mereka akan dikenakan penalti," katanya.

Menurut Nurul Hidayah, secara total kos untuk seorang pesakit, KWP dan DBKL akan menanggung kira-kira RM100 untuk setiap rawatan dengan mengambil kira semua kos yang terlibat.

"Setiap pesakit yang mendaftar mereka memang tidak dikenakan sebarang caj kerana ia telah

ditanggung kementerian. Oleh itu, mereka tidak perlu menaiki pengangkutan awam, atau memandu ke hospital dan kos tersebut telah dikira bagi memberikan perkhidmatan dan ia dibayar terus kepada vendor mengikut termasuk syarat yang telah dipersetujui," katanya.

Ujarnya, pada ketika ini ia hanya tertumpu di kawasan PPR dan PA yang tidak mempunyai akses kepada Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ataupun ia terletak jauh dari penempatan.

"KWP serta DBKL sedia berbincang untuk mencari lokasi yang sesuai sekiranya kawasan itu tiada kemudahan Klinik Kesihatan Kerajaan.

"Kami juga akan mempertimbangkan sekiranya terdapat permintaan daripada kawasan perumahan swasta," katanya. **W.K**



**PROGRAM** *MyMedic@Wilayah* mendapat sambutan menggalakkan daripada warga kota terutamanya golongan warga emas.

# Perluas ke perumahan swasta jika sesuai

**P**ROGRAM MyMedic@ Wilayah yang dinikmati oleh penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) akan diperluas kepada kawasan perumahan swasta bagi memberikan peluang kepada semua warga kota mendapatkan perkhidmatan itu.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr Umi Ahmad berkata pihaknya sememangnya mempunyai perancangan untuk memperluaskan lagi program ini memandangkan ramai warga Kuala Lumpur yang memerlukan bantuan seperti ini.

"Untuk perumahan swasta, memang kita hendak masuk ke sana dan kalau boleh kita hendak meluaskan program seperti ini untuk golongan dan warga kota yang memerlukan.

"Namun sebagai pentadbir bandar raya, DBKL perlu menilai kesesuaian tempat terutama di perumahan rumah pangsa swasta kerana ia melibatkan banyak perkara terutama kemudahan kawasan serta tempat yang selamat untuk pesakit menunggu dan yang paling utama penglibatan wakil penduduk untuk melicinckan pelaksanaan program tersebut," katanya.

Jelasnya, pihaknya mendapati kebanyakan kawasan perumahan swasta agak padat serta kekurangan kawasan lapang yang menyebabkan pihaknya tidak dapat melaksanakan program itu di kawasan tersebut.

"Kita mendapati banyak halangan seperti kawasan sempit kerana bas



DR UMI

medik ini agak besar dan ia boleh mengundang masalah kepada penduduk.

"Namun kami akan pertimbangkan sekiranya kriteria yang digariskan dapat dipenuhi wakil penduduk yang bertanggungjawab," katanya.

Umi berkata program ini hanya akan beroperasi pada Sabtu dan Ahad setiap minggu di beberapa kawasan PPR dan PA yang telah dikenal pasti berhenti kecuali minggu perayaan sahaja.

Menurut Umi, pihaknya menyasarkan kehadiran penduduk minimum 24 orang dan ke atas untuk setiap sesi rawatan.

"Sejak ia mula dilaksanakan, lebih daripada 6,000 penduduk telah mendapatkan rawatan daripada

program ini daripada tahun 2021 dengan tiga lokasi berbeza setiap minggu," katanya.

Jelas Umi, Program MyMedic@ Wilayah ini memberikan perkhidmatan konsultasi kesihatan asas dan juga pemeriksaan asas kesihatan.

"Selain itu, kami turut berikan rawatan untuk beberapa jenis penyakit seperti demam; selesema; penyakit kulit; sakit sendi; sakit perut seperti gastrik, cirit birit; sembelit; buasir dan pelbagai lagi.

"Rawatan kecemasan turut diberikan dan pihak vendor juga perlu menghantar pesakit ke hospital berdekatan menggunakan ambulans mereka dan ia telah dipersetujui dalam kontrak yang telah ditanda tangani bersama vendor," katanya.

Tambahnya, vendor yang dilantik ini turut mempunyai perkhidmatan ambulans dan mereka akan

membawa pesakit yang mempunyai kes kecemasan ke hospital selepas menerima rujukan daripada pegawai kesihatan yang bertugas dalam program ini.

"Contohnya jika terdapat seorang pesakit yang mengalami serangan asma ataupun kandungan gula yang tinggi sehingga menyebabkan pengsan, petugas di sini perlu mengenal pasti terlebih dahulu apa jenis kecemasan tersebut dan mereka perlu aturkan ambulans dan ini telah dipersetujui oleh vendor," katanya.

Ujar Umi, pihaknya sememangnya mempunyai perancangan untuk melantik vendor yang ramai supaya tiga lokasi yang ditetapkan ini dapat dijalankan oleh vendor yang berbeza.

"Ketika tahun 2021 yang lalu, kami mendapati ada keperluan untuk melaksanakan program ini dengan segera dan ia melibatkan penyediaan bas oleh vendor sendiri menyebabkan banyak pihak tidak berkeupayaan kerana kos ubah suai yang tinggi menyebabkan hanya satu syarikat yang mampu melaksanakannya," katanya. **W.K**

## Bas medik mudahkan penduduk

**T**EMPOH menunggu masa yang lama di klinik atau hospital kerajaan serta kos perubatan di klinik swasta yang mahal merupakan antara dilema yang sering menghantui penduduk Malaysia khususnya warga kota.

Desakan hidup di kota raya yang serba mencabar kadang kala tidak memberikan pilihan kepada golongan berpendapatan rendah B40 sekali gus memaksa mereka menerima apa sahaja kemudahan yang ada meskipun terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan.

Meskipun negara sudah pun berada di dalam fasa endemik dan sektor ekonomi telah dibuka sepenuhnya, ia tidak bermaksud masalah telah hilang sekelip mata, bahkan dengan tempoh moratorium yang telah tamat serta ada yang telah putus sumber pendapatan menyebabkan ramai dalam kalangan rakyat masih lagi terkial-kial mencari peluang untuk meneruskan kelangsungan hidup di samping memastikan perbelanjaan untuk rawatan kesihatan mencukupi.

Sektor kesihatan merupakan antara perbelanjaan terbesar yang diberi perhatian setiap tahun. Kementerian Kewangan (MoF) telah memperuntukkan sejumlah RM32.4 bilion kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan dalam Bajet 2022.

Ia bertepatan dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat bagi memupuk budaya sihat serta menangani masalah penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Meskipun dengan hanya caj

RM1 bagi setiap rawatan di klinik kesihatan atau hospital, namun tempoh menunggu mencecah dua hingga tiga jam untuk mendapatkan rawatan kadangkala membebankan masyarakat dan pada masa sama caj rawatan yang dikenakan di klinik swasta pula agak tinggi yang membebankan golongan ini.

Di atas perkara itu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama agensi dibawahnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan Program MyMedic@ Wilayah yang menawarkan perkhidmatan kesihatan percuma untuk golongan rentan yang kebanyakannya menduduki Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Melalui inisiatif tersebut, sebuah bas yang telah diubah suai menjadi klinik bergerak akan bergerak ke tiga lokasi berlainan setiap Sabtu dan Ahad di PPR dan PA yang terpilih untuk memberikan khidmat rawatan kepada golongan tersebut.

Prosesnya juga amat mudah, hanya perlu berdaftar melalui MyKad, pesakit akan disaring dan diperiksa tekanan darah serta kadar gula, hanya perlu menunggu kurang dari 10 hingga 20 minit sebelum diperiksa pegawai perubatan yang bertugas. Selain itu, dibuat sesi advokasi mengenai kesihatan dan diberikan ubat. Sekiranya keadaan pesakit agak kritikal, mereka akan diantar dengan ambulans ke hospital berdekatan atau sekiranya hanya sakit biasa, mereka akan diminta berehat di rumah.

Proses keseluruhan agak cepat berbanding jika mereka hendak mendapatkan rawatan di klinik



PROGRAM MyMedic@Wilayah menjimatkan masa dan wang bagi golongan tidak berkemampuan.



JAMALIAH  
CHIN

kesihatan, klinik swasta mahupun hospital.

Dengan inisiatif tersebut, pastinya melegakan banyak pihak khususnya warga PPR dan PA kerana perkhidmatan ini membolehkan mereka mendapat rawatan yang sama seperti di klinik dan hospital namun tidak perlu membayar walau satu sen pun.

Menurut **Jamaliah Jali**, 63, yang menetap di PA Seri Kota, Bandar Tun Razak, inisiatif ini banyak membantu beliau dan keluarga untuk mendapatkan rawatan asas dengan percuma.

"Saya merupakan pesakit

lemah jantung dan pergerakan terbatas kerana cepat letih. Jika hendak dapatkan rawatan asas di luar pastinya agak menyukarkan kerana terpaksa menunggu giliran yang mungkin menelan masa yang banyak sebelum dirawat.

"Jika hendak cepat, terpaksa ke klinik swasta sedangkan sebagai suri rumah dan diletakkan sebagai pesakit risiko tinggi, ianya akan menelan belanja yang banyak," katanya kepada *Wilayahku* pada Sabtu.

Beliau yang telah menetap di kawasan itu lebih 30 tahun lalu menyifatkan bahawa program ini memudahkan dirinya tanpa perlu membelanjakan wang untuk mendapatkan rawatan.

"Seperti hari ini saya hanya perlu turun dari rumah, berjalan sedikit dan doktor akan turun dari bas untuk merawat kerana saya tidak mampu naiki tangga.

"Selepas dirawat, doktor akan bekalkan ubat dan akan memantau keadaan kesihatan saya sebelum bertemu semula dalam tempoh dua minggu. Bagi saya program ini sangat memudahkan saya," katanya.

**Chin Tai Thai**, 57, yang menghadapi masalah di telinga pula menyifatkan Program MyMedic@Wilayah ini membantu golongan rentan seperti mendapatkan rawatan dengan lebih mudah tanpa mengeluarkan wang yang banyak.

"Sakit di bahagian telinga ini sudah agak lama dan doktor yang merawat telah membantu dan memberikan khidmat nasihat yang betul untuk mempercepatkan proses rawatan," katanya.

Beliau juga menzahirkan harapan agar program seumpama ini diteruskan kerana ia memudahkan golongan seperti untuk mendapatkan rawatan asas tanpa memerlukan kos yang tinggi. **W.K**





# Hubungan *Instafamous* jadi bualan



DEEL ANJER

**K**ECOH baru-baru ini, seorang individu telah memuat naik perkongsian di aplikasi TikTok sehingga menjadi tular apabila entri tersebut mengejutkan ramai pihak yang berkongsi video memaparkan perbualan tentang *Instafamous*.

Menerusi video tersebut,

individu itu mendakwa rekod perubatan *Instafamous* menunjukkan dia aktif melakukan hubungan intim dengan orang yang sama.

Dalam masa yang sama, individu itu berharap agar *Instafamous* tersebut sudah berkahwin dan bukannya melakukan hubungan tanpa ikatan yang sah.

Melihat pada ruangan

komen pula, ramai yang terkejut dengan pendedahan berkenaan serta ada yang meminta tidak membuat fitnah kerana ia perkara yang serius dan berat.

Sementara itu, ada yang mengatakan rekod perubatan pesakit adalah sulit dan tidak mungkin bocor begitu sahaja.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan kesahihan dakwaan individu itu mungkin

hanya mahu mendapat perhatian sahaja. Malah, video itu juga telah pun dipadam oleh individu berkenaan.

*Wilayahku* berharap agar masyarakat lebih berhati-hati dalam menggunakan media sosial serta tidak menyebarkan sebarang berita tidak sahitan tanpa usul periksa terlebih dahulu.

Netizen juga perlulah lebih kritis menjalankan sumber-sumber berita yang tersebar di platform media sosial. **W.K**

## Iklan unsur lucuah, Aliff Syukri belum insaf?

**USAHAWAN** selebriti, Datuk Seri Aliff Syukri Kamarzaman, 35, mencetuskan kontroversi terbaru apabila memuat naik iklan promosi tudung berunsur lucuah.

Perkongsian video itu mengundang rasa tidak puas hati dan menyampaikan netizen yang menganggap usahawan itu tidak pernah insaf.

Apatah lagi,



video itu turut menampilkan isteri dan anak perempuannya yang turut terlibat dalam mempromosikan tudung terbabit.

"Makin tak cerdik, tak malu ko anak ko."

"Content macam ni rasa tak sesuai dengan kedudukan Datuk Datin. Datuk dan Datin orang beragama. Kalau Datuk tak malu pada diri Datuk. Tumpang malu la untuk Datin."

"Dah tua dah Alipp. Banyak banyak taubat laaa."

"Content macam tak elok. Dikira soft porn."

"Takde maruah dan tak bermoral."

Itulah antara respon netizen yang ratatanya kurang berpuas hati dengan cara Aliff mempromosi produk tudung.

Selain netizen, ibu kepada Datuk Aliff Syukri iaitu Rozita Ibrahim juga tampil memberi komen mengenai perkongsian yang dibuat anaknya itu.

"Bongok sangat iklan kau... Apa lah ko ni Kri..." tulisnya.

Pada pendapat *Wilayahku*, ini bukan kali pertama Aliff mencetuskan kontroversi untuk menjual produk. Rasanya satu Malaysia pun tahu.

Dalam masa yang sama, tujuan Aliff berbuat demikian adalah untuk menjual produk yang secara tidak langsung turut membantu masyarakat menjana pendapatan.

Terdahulu, Aliff Syukri pernah dipanggil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi memberi keterangan berhubung muzik video Hari Raya Aidilfitri yang dikatakan tidak bersesuaian dan mencolok mata.

## DJ Lin terkilan, Fizi Ali mohon maaf

**PENGURUS** Besar yang juga penyampai Suria FM, Roslinda Abdul Majid atau DJ Lin meluahkan perasaan terkilan dengan tindakan **Fizi Ali** meninggalkan stesen radio Suria FM itu pada saat akhir.

DJ Lin berkata Fizi sepatutnya terlibat dengan program Jelajah 90 Suria Memang Cantik Kak Ell bermula 6 Ogos ini dan tindakannya meninggalkan stesen radio tersebut mengakibatkan Suria FM menanggung kerugian sehingga RM50,000.

Menurut Fizi, dia sudah menyelesaikan perkara itu dan memohon maaf atas apa yang terjadi.

"Apa yang berlaku ini di luar bidang kuasa dan saya telah meminta maaf. Saya sudah selesaikan bahagian saya dan kalau ada yang terasa, saya minta maaf sekali lagi," ujarnya pada sesi Jom Bekpes Bersama Hot FM di Sri Pentas Bandar Utama, baru-baru ini.

Fizi Ali, yang kini bertugas sebagai penyampai radio Hot FM mengakui kesilapannya meninggalkan Suria FM pada saat akhir, bulan lalu namun telah meminta maaf kepada pengurusan stesen radio tersebut.

Menyifatkan isu telah selesai dan tidak lagi perlu diperbesarkan, Fizi

berkata dia mendapat restu daripada majikan lamanya apabila mengambil keputusan menyertai Hot FM.

"Mungkin silap saya juga kerana pergi secara mengejut. Tetapi, tidak adalah saya pergi begitu sahaja kerana saya telah meminta restu mereka sebelum menyertai Hot FM."

"Saya berterima kasih kepada bekas majikan kerana mereka yang memperkenalkan Fizi Ali sebagai penyampai radio. Saya ingat jasa dan sayang mereka semua," katanya.

Dalam masa yang sama, Fizi mempunyai alasan tersendiri memilih Hot FM.

"Ia bukan tentang bayaran semata-mata. Tawaran yang saya terima ini bukan sahaja sebagai penyampai radio, tetapi saya juga diberi peluang terlibat dengan kerja pengacaraan di televisyen."

"Ini peluang untuk saya serahkan nama. Saya mengintai peluang membina kerjaya, bukan populariti," tambahnya lagi.

Fizi mengendalikan segmen Hot FM Sembang Squad bersama Fad Bocey yang ke udara setiap Isnin hingga Jumaat, pulak 3 petang hingga 7 malam.



# RUU larangan merokok, penyelesaian atau sebaliknya?



DEEL ANJER

**R**ANG Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bertujuan untuk mengelakkan generasi muda terjebak dengan tabiat merokok sekali gus mengurangkan kematian disebabkan penyakit berkaitan rokok.

RUU tersebut yang dicetuskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperuntukkan larangan

individu yang lahir pada 2007 dan seterusnya, merokok, membeli atau memilik produk tembakau atau peranti merokok.

Menurut RUU itu, individu berkenaan yang mengingkarinya boleh didenda tidak melebihi RM5,000, jika disabitkan kesalahan.

Pun begitu, RUU yang belum lagi diputuskan ini menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat. Ada yang bersetuju dan tidak kurang juga sebaliknya yang menganggap ia bukanlah jalan penyelesaian utama dan tidak produktif.

## "UNDANG-UNDANG BUKAN MEKANISME BENDUNG KETAGIHAN"

**PEGUAM S. Thamarah** melihat idea Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin ini adalah demi kesihatan rakyat dalam jangka masa yang panjang namun terdapat faktor-faktor lain yang perlu diambil kira agar berlakunya keseimbangan.

"Pada pandangan saya, kemungkinan besar tujuan idea yang dicetuskan adalah untuk melindungi generasi muda daripada ketagihan kerana RUU tersebut membawa kepada kompaun atau denda sehingga RM5,000.

"Namun, saya tidak bersetuju dengan RUU tersebut kerana sebagai seorang peguam yang



membela kes-kes narkotik, saya dapat merumuskan bahawa walaupun wujudnya Akta Dadah Merbahaya 1952 yang bersifat sangat tegas namun masih terdapat banyak orang yang ketagih dadah.

"Kesimpulannya, saya percaya, satu penalti yang kejam tidak menjamin pematuhan undang-undang oleh semua. Oleh itu, saya berpendapat bahawa undang-undang bukan satu mekanisma untuk membendung ketagihan," kata beliau.

Tambah beliau, RUU ini tidak sepatutnya hanya bersandarkan kepada soal kesihatan kerana terdapat faktor-faktor lain yang perlu diambil kira.

"Saya tidak bersetuju kerana rakyat mungkin hanya memikirkan kemaslahatan RUU tersebut dari segi kesihatan sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya dikaji, tabiat merokok bukan berpuncu daripada penjualan rokok sahaja kerana terdapat pelbagai faktor lain yang merangsang seseorang individu

untuk merokok.

"Tambahnya, rakyat gagal pertimbangkan isu yang mana produk tembakau merupakan salah satu sumber pendapatan negara dan merupakan antara produk kutipan cukai yang tinggi," ujar beliau lagi.

Thamarah juga berkata tanpa kajian yang teliti akan menyebabkan perokok kembali mendapatkan rokok yang tidak sah di sisi undang-undang.

"Jika RUU ini dilaksanakan, syarikat rokok dan produk tembakau akan menggalami kerugian selain menyebabkan rokok tempatan naik harga kerana kurangnya pasaran untuk rokok tempatan setelah RUU yang berfokus kepada GEG (*Generational End Game*) ini dilaksanakan," ujar beliau.

Akhirnya, perokok tegar akan kembali kepada pembelian rokok kontraband yang tidak sah dan masuk melalui laluan haram tanpa membayar cukai melepas sempadan negara atas faktor harga semata-mata.

"Rokok kontraband yang tidak dikawal oleh Lembaga Kenaf dan Tembaga Negara (LKTN) ini akan membahayakan kesihatan rakyat jauh lebih teruk," ujar beliau lagi.

## ROSYAM NOR SOKONG 100 PERATUS RUU

PENERBIT dan pelakon **Datuk Rosyam Nor**, menyokong tindakan Menteri Kesihatan,

Khairy Jamaluddin membuat penukaran Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022.

Menerusi perkongsian di Instagramnya, Rosyam telah memaklumkan dirinya mula merokok pada usia 18 tahun dan mula merasa kesan sampingannya pada usia 55 tahun.

"YB KJ (Khairy Jamaluddin) nak tukar Rang Undang-Undang ni, memang aku sokong 100 peratus, aku sokong 300 peratus!

"Aku dah hisap rokok sejak umur aku 18 tahun. Dah banyak duit aku habis. Sekarang, umur aku 55 tahun, sempat. Naik tangga pun sempat," katanya.

Menurut Rosyam, usaha ini adalah antara jalan atau cara bagi memastikan rakyat Malaysia terus kekal sihat.

"Jadi, memang bagus sangat dan aku sokong untuk tukar RUU ini supaya semua rakyat Malaysia sihat. YB KJ buat benda ini bukan untuk keburukan tetapi kebaikan. Jadi, aku harap semua orang dapat berikan sokongan sebab ini benda baik," katanya.

Menerusi perkongsian itu juga, Rosyam turut menyatakan dia akan turut serta sekiranya dianjurkan program insentif demi membantu masyarakat berhenti merokok.

"Aku dah jadi perokok. Kalau YB KJ nak buat insentif untuk orang berhenti merokok macam aku, aku akan sertai dan aku nak

berhenti merokok. Kamu semua yang lahir pada 2007 serta ibu bapa, ini adalah perkara baik dan sokonglah perkara ini. YB KJ apa pun, hentak sampai jadi!" ujarnya lagi.

## "BERLAKU ADIL, HARAMKAN DULU ALKOHOL"

SALAH seorang warga kota, **Mohd Nazirul Afiq Ismail**, 36, menyokong usaha Menteri Kesihatan menjaga kesihatan rakyat namun baginya terdapat beberapa perkara yang perlu diambil serius dan diberikan keutamaan terlebih dahulu.



"Saya amat mengalu-alukan cadangan Rang Undang Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok

2022 diluluskan namun harus berlaku adil dengan memastikan penguatkuasaan bahan-bahan larangan yang lain seperti alkohol dikaji semula.

"Ini kerana alkohol masih membelenggu masyarakat sehingga masih banyak kes kemalangan melibatkan pemandu di bawah pengaruh alkohol sehingga mengakibatkan kematian. Saya setuju, tetapi haramkan dahulu alkohol," jelasnya. "Berlaku adil, haramkan dulu alkohol" WK



# Roti bomboloni jadi tarikan di Q'mar Bakery Cafe



KHAIRUL IDIN

**K**ATA orang, kalau cuaca mendung dan hujan begini, dapat menikmati secawan teh atau kopi panas bersama roti atau pastri memang satu kepuasan luar biasa yang tiada tandingannya.

Di Labuan misalnya, banyak kafe bakeri yang menghimpunkan aneka pastri, roti serta kek yang enak dengan harga serendah RM1.80 sahaja. Antaranya Q'mar Bakery Cafe di Kampung Sungai Bedaun.

Terletak kira-kira 15 kilometer dari pusat bandar, antara menu utama yang menjadi tarikan ramai adalah roti bomboloni, roti sarang lebah dan donut yang terkenal dengan kelembutan selain keenakannya.

Menurut pemiliknya, **Norakmar Latip, 48**, menu pilihan ramai tersebut hanya sempat bertahan kurang dari satu jam setiap kali diletakkan di kafenyah kerana ramai yang berebut untuk membelinya.

"Alhamdulillah, tak sangka mereka begitu gemar dengan roti yang kita buat terutamanya bomboloni. Mungkin kerana warna krim tersebut yang berwarna-warni menarik perhatian terutamanya kanak-kanak."

"Selain warna, bomboloni juga menghimpunkan pelbagai perisa antaranya strawberry, oreo, coklat, kacang, blueberry, cheese dan lain-lain. Kesemua perisa ini merupakan antara pilihan yang digemari pelanggan," ujarnya.

Berkongsi tentang keistimewaan menu roti dan pastri di kafenyah, Norakmar berkata sama seperti orang lain, dia tetap menggunakan bahan sama namun mementingkan sukanan adunan yang dibuat.

"Sukatan tu perlu tepat kalau tak nanti keras. Kalau lembut pasti semua orang suka malah ia kekal lembut berjam-jam lamanya," ujarnya yang mengakui menghasilkan menu sepenuh hati



dan bersungguh-sungguh.

Terharu dengan sambutan dan maklum balas daripada pelanggan setia, dia juga turut menerima tempahan membuat kek hari jadi, perkahwinan dan sebarang acara daripada pelanggan.

"Tak menang tangan sebab terlalu ramai tetapi saya tetap mementingkan tempahan kerana bagi saya kegembiraan mereka adalah satu kepuasan yang tidak terhingga bagi peniaga seperti saya," ujarnya yang turut menjual pelbagai jenis brownies dan kek cawan.

## SARAPAN PAGI DAN TENGAH HARI

BIARPUN baru sahaja dua tahun beroperasi namun Q'mar Bakery Cafe tidak terhad kepada jualan pastri semata-mata. Malah kafe ini turut menyediakan pelbagai jenis sarapan pagi dan tengahari.

Makanan berdasarkan negeri Sarawak seperti mee kolok, laksa Sarawak merupakan antara menu wajib yang ada di kafe ini selain mee jawa, nasi lemak, roti canai dan roti goyang yang turut mendapat perhatian pelanggan.

"Saya juga ada menjual nasi berlauk untuk hidangan tengah hari. Kalau boleh saya mahu pelanggan yang datang bukan sahaja dapat membeli roti bahkan turut mendapatkan makan tengah hari dan petang untuk keluarga," ujarnya.




### INFO Q'mar Bakery Cafe

Alamat: BDN 449E,  
Simpang Buluh Kampung  
Sungai Bedaun, Labuan

Waktu operasi: Selasa  
hingga Ahad (7pagi  
hingga 5 petang)

Facebook & Instagram:  
Q'mar Bakery Cafe

Telefon: 019-850 2045



DR MOHD SHAHID  
MOHD NOH

**S**ETIAP tahun umat Islam menyambut awal Muharam dengan doa akhir dan awal tahun yang kebiasaananya diadakan secara berjemaah di masjid atau di surau. Kandungan doa tersebut antara lainnya memohon keampunan dari Allah SWT atas segala kesilapan dan kesalahan serta memohon dianugerahkan kekuatan dan taufik bagi mengharungi hari-hari yang berbaki untuk lebih baik dan hampir kepadaNya. Dan inilah yang dinamai sifat pengharapan atau al-raja, yang ditakrifkan oleh Rogib al-Afahani (wafat tahun 1108M) sebagai sangkaan atau jangkaan untuk memperolehi satu kebaikan.

Pengharapan di dalam Al-Quran bukan sahaja membawa erti seperti yang disebutkan, ia juga bermaksud keinginan yang tinggi kepada rahmat Allah SWT, sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Baqarah ayat 218 mengenai golongan mukmin yang berhijrah: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam); mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi. Selain itu, pengharapan dengan makna yang sama ini juga difirmankan oleh Allah SWT ketika memperihalkan keadaan golongan yang berjihad di jalannya: Dan janganlah kamu lemah (hilang semangat) dalam memburu musuh (yang menceroboh) itu; kerana kalau kamu menderita sakit (luka atau mati), maka sesungguhnya mereka pun menderita sakitnya seperti penderitaan kamu; sedang kamu mengharapkan dari Allah apa yang mereka tidak harapkan (iaitu balasan yang baik pada hari akhirat kelak). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha*

#### DATUK MOHD AJIB ISMAIL

**A**NTARA teladan terpenting dalam peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW lebih 1400 tahun lalu adalah pengorbanan nyawa, harta benda dan ahli keluarga yang dilakukan oleh baginda dan sahabat demi memastikan kesinambungan dakwah Islam tersebar ke seluruh pelosok dunia.

Umat Islam di Makkah ketika itu terpaksa berhadapan tekanan dan seksaan kaum musyrikin kerana mempertahankan akidah Islam.

Mereka dipulaukan dari segi ekonomi dan dihalang dari melakukan penghijrah dan dipisahkan dari ahli keluarga yang disayangi, dikurung dan ditangkap, juga disekat harta benda dan kekayaan yang dimiliki dari dibawa bersama untuk berhijrah ke Madinah.

Pengorbanan meninggalkan kampung halaman dan tanah air tercinta demi agama diiktiraf oleh Allah SWT dengan kurniaan ganjaran yang amat besar.

Penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah adalah salah satu bentuk pengorbanan dalam menghadapi

# Hidup seorang muslim seharusnya optimis

**B**ijaksana (*surah an-Nisa: ayat 104*).

Walau apa pun makna bagi kalimah al-raja ini, ia tetap dijanjikan dengan kebaikan dan kemenangan oleh Allah SWT sebagaimana yang telah dikurniakan kepada golongan Muajirin dan Ansar yang dianugerahkan dengan pembukaan Kota Mekah: *Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu ( wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata (surah al-Fath: ayat 1)* Respons kepada perubahan zaman Penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Yathrib (nama asal Madinah) bukanlah semata-mata contoh yang misali untuk sebuah peristiwa pengorbanan. Jelas sekali ia juga sebuah iktibar yang jelas kepada kita untuk sentiasa responsif dan proaktif terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita.

#### MENGENAI SAHABAT

IBNU Sa'd meriwayatkan di dalam kitab Tabaqatnya, dari Sayyidah 'Aishah RA mengenai sahabat Nabi Muhammad SAW yang mengadu kepada baginda tentang tekanan yang mereka hadapi di Makkah dari golongan musyrikin. Setelah meneliti, Rasulullah SAW membenarkan mereka untuk berhijrah ke Madinah.

Biarpun tindakan yang diambil oleh Nabi Muhammad SAW itu sememangnya merupakan wahu daripada Allah SWT, namun ia juga mendidik kita agar sentiasa bertindak dengan penuh perancangan, serta responsif terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling kita. Bukanlah sebelum itu Baginda pernah meminta para Sahabat untuk bersabar dengan mehnah dan pancaroba yang mereka hadapi ketika di Makkah? Kisah pemberian kebenaran untuk

berhijrah kepada para Sahabat ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari di dalam kitab Sahihnya.

Jika dikiaskan dengan realiti kita pada hari ini, biarpun kita tidak perlu melakukan hijrah sebagaimana yang dilakukan Rasulullah SAW dan para Sahabat, namun kita masih perlu mengambil iktibar untuk bersikap responsif terhadap setiap perubahan yang berlaku, baik dari sudut ekonomi, pendidikan, sosial dan lain-lainnya.

Sebagai contoh, dunia di kala ini masih bergelut untuk menstabilkan ekonomi global setelah dua tahun bergelumang dengan kelembapan dan kelesuan akibat pandemik COVID-19. Ini dirumitkan lagi dengan konflik Ukraine-Rusia yang secara langsung telah mengganggu kestabilan ekonomi di rantau Eropah dan dunia. Maka, antara langkah proaktif yang wajar kita ambil ialah dengan mengawal perbelanjaan isi rumah, agar sentiasa berada di tahap yang optimum bagi mengimbangi keperluan individu, keluarga, serta negara. Dengan usaha yang menyeluruh, pastinya inisiatif ini bakal menstabilkan kembali kadar inflasi ke tahap yang lebih baik.

Bagi golongan yang menuntut ilmu, baik pelajar sekolah mahu pun Institut Pengajian Tinggi, mereka perlu lebih cakna mengenai perubahan kemajuan teknologi yang pesat. Jika tidak, mereka akan ketinggalan dan berdepan kemungkinan terlepas peluang keemasan untuk meningkatkan daya saing masing-masing di dalam sektor pekerjaan pada masa hadapan.

Kepayahan seketika untuk kebaikan yang berpanjangan seharusnya peristiwa hijrah yang ditonjolkan kepada kita mampu mengajar untuk kita terus melakukan

transformasi yang diperlukan, terutamanya yang melibatkan sedikit pengorbanan. Biarpun berkorban, tetapi menjamin kejayaan dan pulangan yang sangat bernilai pada masa akan datang.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW yang penuh dengan ujian, kesedihan, mujahadah dan kesabaran; dan misal yang ditunjukkan kepada umat Baginda adalah satu gambaran nyata yang dialami oleh setiap manusia di alam ini. Berjuang di dalam mengejar dan merealisasikan impian hidup adalah perkara lumrah. Tetapi, usaha dan daya juang yang terbaik perlu diberikan kepada usaha-usaha keimanan, selain mengejar dalam menjadi manfaat kepada makhluk yang lain.

#### MEMELIHARA KEIMANAN

**H**IJRAH Nabi menyaksikan kepada kita keperitan mereka meninggalkan harta dan tanah air demi memelihara keimanan mereka. Sehubungan dengan itu, Allah mengingatkan kita: *Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya (surah al-Baqarah: ayat 216).*

Keperitan yang dialami oleh umat Islam sebelum dan ketika berhijrah diganti pula oleh Allah dengan kehidupan yang lebih baik di Madinah. Ini diikuti pula dengan kemenangan yang Allah kurniakan di perang Badr, perang Khandaq, dan membawa kepada pembukaan Kota Makkah pada tahun kelapan Hijrah. Pembukaan Kota Makkah ini telah membuka ruang kepada kabilah-kabilah Arab di semenanjung

tersebut untuk memeluk Islam, sekali gus menyebarkan dakwah Islamiyah ke seluruh pelosok alam: *Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata (surah al-Anfal: ayat 39).*

Buku baru: Ikhlas dan optimis dalam setiap tindakan tahun ini, dunia telah kembali normal dengan pelonggaran banyak SOP yang dikenakan, berbanding ketika pandemik mula-mula berlaku. Manusia dan negara ibarat baru sahaja 'memulakan' semula kehidupan mereka dengan pembukaan lebih banyak sektor perniagaan. Kini, Malaysia dan dunia secara umumnya sedang menghadapi pelbagai cabaran ekonomi, dari kenaikan harga barang sehingga ketidaktentuan pasaran kerja. Kesemua cabaran ini tidak perlu dilihat dari sisi negatif, sebaliknya perlu dilihat dengan penuh harapan dan doa.

Bersempena tahun baru hijrah ini, marilah kita sama-sama berazam untuk memperbaiki amalan, bersempena dengan pembukaan 'buku' yang baru. Azam yang sungguh-sungguh pastinya menjamin gerak kerja kita di tahun hadapan akan lebih teratur, bermatlamat, penuh kesungguhan, berdaya positif serta dipayungi keikhlasan. Inilah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda menerusi peristiwa hijrah yang perlu dihayati oleh setiap daripada kita.

**P**enulis merupakan Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di shahid82@um.edu.my.

## Tiga tauladan terpenting peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW

tekanan dan penindasan kaum musyrikin di Makkah.

Tauladan kedua terpenting dalam peristiwa hijrah adalah ikatan persaudaraan yang dijalankan antara golongan Muajirin dan Ansar yang mempunyai latar belakang agama dan budaya berbeza.

Persaudaraan Islam yang dibina dalam kalangan Muajirin dan Ansar menjadi teras kepada kesatuan masyarakat Islam di Madinah dan menjadi model persaudaraan yang diperkenalkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai panduan kepada masyarakat Islam sepanjang zaman.

Hubungan persaudaraan terbabit sudah memperkuatkan umat Islam Madinah dalam menghadapi tantangan musuh serta mendorong sifat tolong-menolong dan saling membantu sehingga sanggup mewariskan harta peninggalan masing-masing kepada saudara mereka tanpa mengira keturunan, warna kulit, tempat asal dan sentimen kenegerian.

Tauladan ketiga terpenting dalam peristiwa hijrah adalah perpaduan yang dikecapai melalui perjanjian persefahaman atau sahifah yang utuh dalam kalangan masyarakat Madinah.

Perpaduan yang dibina atas dasar solidariti, takaful serta perasaan kasih sayang yang dimulakan dari kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara amat penting bagi melahirkan negara yang baik yang direndai Allah SWT.

Dalam konteks negara Islam Madinah, sahifah adalah perjanjian persefahaman yang perlu dipatuhi semua pihak bagi memastikan matlamat kemakmuran masyarakat tercapai.

Perkara yang sangat ditekankan dalam sahifah terbabit ialah berkaitan keamanan dan ketenteraman hidup. Justeru, sebarang perbuatan yang boleh menimbulkan masalah kepada keamanan amat diberikan perhatian supaya dapat dielakkan lebih awal.

Sesuai dengan tema Ma'al Hijrah

tahun ini iaitu 'Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran', elemen pengorbanan, persaudaraan dan perpaduan yang ditunjukkan dalam peristiwa hijrah perlu menjadi asas utama dalam membangunkan masyarakat melalui nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Umat Islam perlu menjauhi segala perkara yang boleh merosakkan keharmonian hidup beragama dan bermasyarakat serta menjauhi persengketaan yang memecahbelahkan. Dalam peristiwa hijrah, golongan Ansar di Madinah menunjukkan sifat yang baik dengan mengutamakan saudara mereka dari golongan Muajirin lebih dari diri mereka sendiri dengan memberikan bantuan tanpa sebarang hajat dan muslihat.

Peristiwa hijrah juga mengajarkan sifat keprihatinan dan kedulian masyarakat tanpa mengira latar belakang dan keturunan.

Mengambil pengajaran dari petunjuk terbabit, sepanjang tempoh negara kita berdepan

musibah seperti penularan wabak COVID-19 dan bencana alam, seluruh rakyat Malaysia sudah berjaya memamerkan sifat keprihatinan dengan menghulurkan bantuan kepada golongan yang terkesan dan memerlukan tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

Semangat perpaduan dan kebersamaan ini mesti diteruskan bagi mendepani apa-apa jua ujian dan badai kehidupan yang melanda.

Ketibaan tahun baharu hijrah saban tahun perlu menjadi medan untuk kita semua memperbaharui niat, azam dan matlamat dalam kehidupan.

Jadikan detik terbabit sebagai peringatan supaya kita sentiasa memperbaiki diri untuk menjadi Muslim yang taat kepada perintah Allah SWT dan menjadi manusia yang bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

**P**enulis merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

# Kesan Revolusi Industri 4.0 terhadap ekonomi Malaysia

NURUL AMIRAH  
NORDIN

**D**ALAM beberapa dekad kbelumkangan ini, Revolusi Perindustrian 4.0 telah mendapat perhatian dan memandangkan ia menjadi usaha teras kebanyakan kerajaan serta memperoleh daya tarikan di Malaysia malahan di seluruh dunia. Dengan perkembangan Revolusi Perindustrian Global (IR) keempat, kerajaan Malaysia menyedari keperluan untuk melaksanakan program Revolusi Industri 4.0 ke dalam agenda negara sebagai kaedah untuk mengikuti perkembangan tersebut. Dalam keluaran bajet terbarunya, kerajaan menyatakan bahawa dana tertentu akan disediakan untuk membantu industri beralih kepada IR 4.0.

IR 4.0 akan menjadikan mesin semakin maju, memberikan pengeluar maklumat yang tidak pernah mereka terima sebelum ini. Di kilang, sebagai contoh, proses automasi digunakan untuk pengeluaran dalam industri perindustrian. Inovasi seperti ini boleh membantu manusia meningkatkan kecekapan dan menghapuskan kesilapan manusia. Ini akhirnya menjimatkan wang dan sumber untuk pengeluar di kilang.

Perniagaan dan perlilangan adalah penting kepada ekonomi global kerana mereka menukar input kepada output yang ingin memuaskan hati dan memenuhi kehendak pelanggan. Akibatnya, industri sentiasa meningkatkan operasi mereka, seperti mengimport jentera berteknologi tinggi dan menukar orang dengan negara perindustrian lain untuk memperoleh teknologi baru. Orang ramai hidup dalam dunia yang berkembang pesat kerana pertumbuhan sains yang berterusan dan orang ramai mewujudkan trend dan teknologi baharu setiap hari dan memasukkannya ke dalam kehidupan sehari-hari mereka. Apabila revolusi perindustrian berlaku, ia meningkatkan taraf hidup, ekonomi dan faktor lain sesebuah negara.

## TEKNOLOGI YANG LEBIH BAIK

REVOLUSI perindustrian keempat, yang dikenali sebagai Industri 4.0, kini telah bermula dengan teknologi yang lebih baik, peningkatan produktiviti dan masa pendahuluan yang lebih singkat. Industri 4.0 adalah dibawa ke dunia sebagai trend baharu untuk meningkatkan persekitaran kerja dalam syarikat dan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh

**“Malaysia, terdapat hubungan yang positif antara pelaburan modal dan produktiviti buruh dengan Perindustrian 4.0. Ini boleh disokong oleh kajian lepas menyatakan pembolehubah makroekonomi di Malaysia yang mempengaruhi IR 4.0 ialah modal pelaburan dan produktiviti buruh yang berdasarkan data yang dianalisis oleh pengkaji, IPI kedua-dua pembolehubah adalah nilai positif (Azlan, 2021).**

industri. Kerana kebanyakan peserta kajian tidak mempunyai konsep bagaimana Industri 4.0 boleh digunakan dalam aktiviti tertentu di dalam organisasi, ia boleh digunakan dalam pelaksanaan operasi (Yee L.W., Teck T.S. & Sorooshian, 2019).

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) bagi pembuatan, perlombongan, dan sektor elektrik ialah ukuran kadar perubahan

aset syarikat. Sebagai contoh, pembelian harta tanah jangka panjang seperti harta tanah oleh syarikat.

Buruh ditakrifkan sebagai usaha fizikal, mental, dan sosial yang dibelanjakan dalam sesuatu ekonomi untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan. Ia menyediakan pengalaman, individu, dan perkhidmatan yang diperlukan untuk mengubah


yang berdasarkan data yang dianalisis oleh pengkaji, IPI kedua-dua pembolehubah adalah nilai positif (Azlan, 2021).

Lebih-lebih lagi, kerajaan semasa yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam kerajaan baharunya iaitu aspirasi #KeluargaMalaysia, bantuan kerajaan untuk perniagaan boleh didapati di bawah Dana Intervensi Industry4WRD. Fungsi dana ini adalah menyediakan kewangan bantuan kepada perusahaan tempatan dan sederhana (PKS) untuk menyokong peralihan ke arah Industri 4.0. PKS ini telah menjalani Kesediaan yang dibiayai oleh Kerajaan Penilaian.

Berdasarkan laman web [belanjawan2021.treasury.gov.my](http://belanjawan2021.treasury.gov.my), dana ini adalah padanan kemudahan geran pada kadar 70:30 dengan had peruntukan maksimum sehingga RM500,000 untuk melaksanakan projek intervensi berdasarkan laporan RA bagi faktor peralihan yang melibatkan kemahiran, proses dan teknologi. Pemohon mesti terlebih dahulu menyertai 4WRD Penilaian Kesediaan Industri yang membantu firma menilai keupayaan organisasi dan kesediaan untuk menyesuaikan teknologi dan proses Industri 4.0, menggunakan satu set penunjuk yang telah ditetapkan untuk memahami keupayaan dan jurang semasa organisasi. Permohonan yang berjaya akan diluluskan bayaran pendahuluan maksimum 30 peratus daripada 70 peratus geran sepadan tertakluk kepada keputusan oleh meluluskan dana intervensi jawatankuasa manakala bayaran baki geran adalah dengan cara penebusan.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia berwaspada dan sedar dengan peralihan di seluruh dunia mengenai Revolusi Perindustrian 4.0. Walaupun dalam industri komunikasi, Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) berputar di sekitar *Internet of Things* (IoT). IoT merujuk kepada semua yang disambungkan ke internet, iaitu peralatan yang disambungkan oleh proses automatik. Alat pintar ini adalah menjana prospek untuk penggunaan pada tahap yang belum pernah terjadi sebelum ini interkoneksi oleh menghubungkan antara satu sama lain melalui sambungan internet.

Di Malaysia, dengan penemuan teknologi yang digariskan di atas,



dalam pengeluaran perindustrian komoditi dari semasa ke semasa dalam istilah sebenar, menurut Jabatan Perangkaan (2021). Ia ditentukan berdasarkan perubahan dalam volum pembuatan. IPI adalah keseluruhan indeks bagi Indeks Perlombongan, Pengeluaran dan Tenaga. Indeks Pengeluaran Perindustrian memberikan gambaran keseluruhan aliran baharu dalam sektor perindustrian dan digunakan dalam ekonomi penyelidikan.

Di Malaysia, simpanan, pelaburan modal dan buruh adalah penentu makroekonomi Industri 4.0 di Malaysia. Simpanan adalah dana yang tinggal berakhir selepas menolak perbelanjaan penggunaan seseorang daripada pendapatan boleh guna mereka dalam tempoh masa tertentu. Simpanan boleh digunakan untuk menambah pendapatan melalui pelaburan manakala pelaburan modal ialah pemerolehan

sumber mentah kepada item dan kemudahan yang telah siap. Pekerja diberi upah sebagai balasan untuk barang dan perkhidmatan yang mereka tidak dapat menjana diri mereka. Menurut Grenková dan Kordo (2020), terdapat peningkatan trend dalam produktiviti buruh di Republik Slovak, membayangkan bahawa ekonomi menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan lengkap yang juga tersirat di Malaysia.

## MAKROEKONOMI DI MALAYSIA

OLEH itu, di Malaysia, terdapat hubungan yang positif antara pelaburan modal dan produktiviti buruh dengan Perindustrian 4.0. Ia boleh disokong oleh kajian lepas menyatakan pembolehubah makroekonomi di Malaysia yang mempengaruhi IR 4.0 ialah modal pelaburan dan produktiviti buruh

telekomunikasi kini berada di tengah-tengah Industri 4.0. Banyak kemajuan telah dibangunkan secara langsung hasil penyelidikan telekom untuk meningkatkan komunikasi dengan kelajuan yang lebih cepat dan lebih banyak sambungan. Kami sentiasa mengejar yang lebih baik dan teknologi dipertingkatkan, dan sebagai hasilnya, peralatan dan teknologi baharu dicipta setiap hari.

Teknologi baharu seperti 5G, perkhidmatan *Cloud*, kecerdasan buatan (AI), dan IoT membantu perniagaan dalam mengumpul sejumlah besar data dan dengan pantas menghantarnya ke seluruh dunia. Apabila teknologi ini menjadi lebih banyak bersepadu, syarikat telekomunikasi akan dapat memanfaatkannya untuk meningkatkan prosedur dan pemanduan inovasi.

## MENANGANI KETIDAKSAMAN

WALAU bagaimanapun, IR 4.0 juga memberi kesan bukan sahaja kepada ekonomi Malaysia tetapi juga pada masyarakat. Industri 4.0 berpotensi untuk membentuk semula masyarakat dengan mengubah cara orang ramai berhubung antara satu sama lain dan menangani ketidaksaaman ekonomi. Manakala teknologi boleh memberi peluang kepada negara-negara miskin untuk maju, kadar yang lebih besar daripada pengangkutan di kalangan negara-negara kaya boleh meluaskan jurang antara kaya dan miskin. Melangkah ke hadapan, Malaysia mesti menerima teknologi atau risiko ketinggalan di belakang muncul negara. Pelaburan pendidikan mesti terus menjana bakat yang sesuai. Kedua-duanya golongan muda dan orang tua mesti bersedia untuk beralih kepada berdasarkan pengetahuan ekonomi. Untuk maju ke arah masa depan yang lebih mampan dan cerah, kerajaan dan dasar mesti beralih ke arah penerapan penemuan teknikal.

Kesimpulannya ialah Industri 4.0 adalah pergerakan baharu di dunia untuk dipertingkatkan keadaan kerja dalam industri, namun terdapat isu kekurangan pengetahuan mengenai Industri 4.0, dan tidak semua orang memahami kepentingannya yang sebenar. Tambahan pula, industri tertentu kurang bersedia untuk menggunakan Industri 4.0. Industri pembuatan dan kerajaan Malaysia akan mendapat manfaat daripada memahami akibat utama Industri 4.0.

**Penulis merupakan Pelajar Ijazah Sarjana Fakulti Komunikasi dan Pengajaran Media, UiTM Shah Alam.**

# 1,000 pelajar B40 di Labuan terima Bantuan Khas Persekolahan YWP



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**RIHATIN terhadap cabaran kenaikan kos sara hidup yang dihadapi masyarakat di Pulau Bebas Cukai itu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) meneruskan inisiatifnya menerusi pemberian Bantuan Khas Persekolahan kepada 1,000 pelajar dari golongan B40 di Parlimen Labuan, baru-baru ini.

Program penyerahan bantuan beg sekolah dan wang tunai itu turut membabitkan kerjasama Puteri dan Pemuda UMNO Labuan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, kesemua bantuan itu merupakan atas keprihatinan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang juga sebagai Pengurus YWP mahu membantu meringankan beban keluarga golongan B40 dan para



**DATUK** Bashir Alias (kanan) bersama Datuk Zaizalnizam Zainun (dua kiri) menyerahkan bantuan peralatan sekolah kepada salah seorang pelajar di Parlimen Labuan.

pelajar di Wilayah Persekutuan.

“YWP telah menyerahkan bantuan khas ini kepada 13 Parlimen di seluruh Wilayah Persekutuan

termasuklah Labuan yang membabitkan peruntukan sejumlah RM650,000.

“Inisiatif ini adalah salah satu

peranan YWP dalam membangunkan pendidikan, pembangunan sosial, ekonomi dan kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan.

“Kita harap dengan bantuan yang telah disumbangkan dapat membantu keluarga dan pelajar golongan B40 dalam mengharungi kehidupan sehari-hari,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Bantuan Khas Persekolahan di Dewan Balai Raya Kampung Sungai Lada, pada Ahad lalu.

Sementara itu, Ketua Bahagian UMNO Labuan merangkap Pengurus Perbadanan Labuan, **Datuk Bashir Alias** menzahirkan penghargaan kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan YWP atas sumbangan yang dihulurkan kepada warga kota di Labuan.

Katanya, dengan bantuan ini mampu membantu keluarga golongan B40 yang terjejas pendapatan ketika pandemik COVID-19.

“Selain itu, dengan cabaran kenaikan kos sara hidup yang membebankan mereka dan kita harap dengan bantuan khas ini dapat meringankan beban ibu bapa dari segi perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka,” katanya. **WK**

## Warga Labuan sokong penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi

**WARGA** Labuan yang ditemui menyokong usaha kerajaan menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi menangani isu inflasi serta kos sara hidup di negara ini.

Menurut Pengurus Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) Labuan, **Datuk Chan She Chung**, pasukan itu boleh mengambil tindakan untuk mengawal inflasi serta tindakan kepada peniaga yang menaikkan harga barang, makanan, minuman dan perkhidmatan sesuka hati.

“Pasukan ini perlu ambil kira pandangan semua pihak terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna untuk menangani kenaikan kos sara hidup serta terus mendidik pengguna memahami isu-isu semasa yang melibatkan pengguna.

“Pasukan itu juga perlu melihat isu bekalan barang di Labuan yang perlu diatasi dalam kadar segera,” katanya semasa ditemui baru-baru ini.

Bagi Pengurus Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun Labuan, Paul Ipoh Leokin, tindakan kerajaan itu merupakan bukti bahawa kerajaan tidak lepas tangan dalam menangani isu harga barang yang kian mendesak.

“Penubuhan pasukan itu mampu mengawal isu menyorok bekalan barang yang dilakukan sesetengah pembekal hingga



**SHE CHUNG**

menyukarkan orang awam mendapatkan stok barang seperti gula, minyak masak dan telur ayam.

“Pasukan itu juga boleh berperanan menyularkan maklumat kepada para media dan seterusnya menghebahkan maklumat yang tepat dan sahih kepada rakyat mengenai situasi yang dihadapi dalam negara ini,” katanya.

Beliau turut berharap pasukan itu bersifat inklusif dalam menangani isu inflasi dalam kalangan rakyat dan mempunyai rangkaian pasukan di peringkat negeri untuk memantau sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan ketirisan.

Sementara itu, Pengurus Kelab Belia Anak Layangan (KEBAL), Ahmad Nazri Jamal menyambut baik penubuhan pasukan khas tersebut dan berharap ianya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

“Diharapkan pasukan ini mampu mencapai objektif yang ditetapkan, tambahan Labuan antara yang terkesan dengan kenaikan harga barang dan seharusnya Labuan boleh menjadi penanda aras kenaikan harga barang bagi mengelakkan inflasi.

“Saya juga menyeru kepada para belia untuk bersama-sama membantu pasukan khas itu dalam merealisasikan segala perancangan dan tindakan yang diambil dalam mengurangkan isu kos sara hidup rakyat,” katanya. **WK**



**IDRIS** (dua dari kiri) menyampaikan sijil pengiktirafan Kampung Bebas Jenayah kepada Ketua Kampung.

## Tiga kampung di Labuan diiktiraf Kampung Bebas Jenayah

**TIGA** buah kampung di Pulau Bebas Cukai ini telah mendapat pengiktirafan sebagai Kampung Bebas Jenayah.

Antara kampung yang mendapat pengiktirafan itu adalah Kampung Layang-Layangan, Kampung Sungai Buton dan Kampung Belukut.

Ketiga-tiga kampung tersebut hanya mencatatkan satu kes bagi sepanjang tahun 2021 hingga Jun 2022.

Pengiktirafan itu disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis Sabah, **Datuk Idris Abdullah** pada Majlis Apresiasi Pencegahan Jenayah yang diadakan di

Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, baru-baru ini.

Menurut Idris, Polis Labuan merupakan kontingen yang pertama mengadakan majlis itu bertujuan bagi menghargai kesepakatan dan peranan masyarakat dalam menangani kes jenayah.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias, Ketua Polis Labuan, Superintendant Ahmad Jawila.

Turut sama, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Labuan, Ismail Ismail. **WK**

## PERADUAN MEWARNA PM176



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

**CARA MENYERTAI:**

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM176".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **12 OGOS 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 178.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.


**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 174**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM174 daripada akhbar Wilayahku Edisi 174:

ELAINE HO MEI TENG  
(7 tahun)  
Sepang, Selangor

AIMAN HAQEEMI LOKMAN  
(11 tahun)  
Wilayah Persekutuan Labuan

PUTERI AMEERA MOHD FADHIL  
(8 tahun)  
Kampung Bharu, Kuala Lumpur




Karya Adik Elaine Ho

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK174 daripada akhbar Wilayahku Edisi 174:

SITI RAHIMAH ABDUL RAHIM  
(31 tahun)  
Seri Kembangan, Selangor

ROSLAILI AKMA AHMAD AMRI  
(25 tahun)  
Presint 18, Putrajaya

BURHANUDDIN SALLEH  
(44 tahun)  
Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

**MELINTANG**

1. Gunung tertinggi di Asia Tenggara
5. Was-was
7. Memegang erat
8. Sejuk/hambar
9. Tanah air
10. Simbol kimia Lantanum
11. Daya tarikan ke bawah
13. Sebuah kumpulan muzik

**KE BAWAH**

1. Struktur
2. Sejenis tumbuhan
3. Petanda
4. Keterlaluan
6. Pasangan Dara
7. Penerang kegelapan
12. Ibu/emak

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

**CARA MENYERTAI:**

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK176".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **12 OGOS 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 178.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

**BaKaT Cilik**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun** ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

# HAYAT POLO CAFE & BISTRO TAMAN EQUESTRIAN PUTRAJAYA

## Hayat Polo Cafe beri ketenangan buat pengunjung



HAZIRAH HALIM

**P**ERNAH popular dengan perniagaan nasi kalut di sekitar Lembah Klang suatu masa dahulu, kini usahawan wanita, **Rosehayati Abdul Majid** bersama tiga rakan kongsi muncul dengan produk baharu iaitu Hayat Polo Cafe di Taman Ekuestrian Putrajaya (TEP), Presint 5, Putrajaya.

Berkonsepkan kafe dan bistro, pengunjung pasti terpesona dengan keunikan hiasan dalam kafe ala mewah dengan alunan muzik menenangkan dilatari cahaya lampu malap.

Menurut Rosehayati, pemilihan dekorasi ini adalah cetusan ideanya tersendiri yang mahu mengetengahkan konsep hiasan lampu malap yang amat sesuai dengan suasana di sekitar kawasan TEP ini.

Mengetengahkan makanan melayu barat dan ala mamak, selepas penat bermain kuda di TEP, kita mahu pengunjung yang datang ke sini berasa selesa dengan suasana restoran sambil menikmati setiap hidangan yang terdapat di sini.

"Insya-Allah kami sedang dalam perancangan untuk menambah baik restoran dengan mewujudkan taman dan paparan skrin besar untuk pengunjung menyaksikan perlawanan kuda atau menonton aktiviti kuda yang sedang berlangsung di Arena Polo, Taman Ekuestrian Putrajaya," kata Pengarah, Pengurus Rekaan merangkap pemilik Hayat Polo Cafe ini.

"Buat masa ini, Hayat Polo Cafe mempunyai ruangan yang boleh memuatkan kira-kira 20 orang dalam satu masa yang mana pengunjung boleh makan di ruangan pendingin hawa atau bagi yang merokok, kami juga turut menyediakan ruangan khas iaitu *cigar lounge*," ujarnya.



ROSEHAYATI



HAYAT Polo Cafe yang dihiasi dengan rekaan mewah turut menyediakan meja snuker buat pengunjung bermain sambil menikmati hidangan yang disediakan.

Katanya lagi, pihaknya juga akan mewujudkan satu ruangan khas bagi mereka yang ingin mengadakan sebarang majlis tertutup dengan pakej menarik bermula RM1,500 hingga RM2,000.

"Sesetengah orang tidak suka melakukan sesuatu sambutan atau acara di khalayak ramai, justeru itu kita sediakan satu ruangan khas yang dilengkapi kemudahan seperti set karaoke beserta pakej makanan sama ada makan tengah hari atau makan malam yang boleh memuatkan seramai 50 orang dalam satu masa," kongsi dia.

Rosehayati berharap agar restoran yang diusahakan ini akan dikenali bukan sahaja warga Putrajaya tetapi pengunjung di seluruh Malaysia dan sekali gus mahu menggalakkan lagi kedatangan orang ramai bermain kuda di Taman Ekuestrian Putrajaya sambil menikmati hidangan istimewa Hayat Polo Cafe.

### KARI KEPALA IKAN, NASI KALUT TARIKAN UTAMA

SELAIN daripada menawarkan kemudahan dan ruangan selesa, pelanggan juga boleh menikmati hidangan sajian melayu Hayat Polo Cafe yang menghimpunkan lebih 20 hidangan termasuk makanan barat seperti pasta, stik dan tidak ketinggalan kopi yang enak.

Menurutnya, sajian utama yang wajib dirasai pengunjung adalah set kari kepala ikan yang berharga RM15 bagi 100 gram ikan dan set nasi kalut berharga RM18.

"Set nasi kalut merupakan hidangan popular restoran ini yang mana ia adalah nasi minyak didatangkan bersama ayam goreng, telur rebus, cili hijau dan bendi.

"Di sini juga ada makanan western seperti stik, chicken chop, pasta, pizza dan beberapa menu lain serendah RM30 hingga RM250," katanya.

Bukan itu sahaja, sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan pembukaan restoran ini, Rosehayati mengajak pengunjung untuk menikmati potongan harga sebanyak 20 peratus bagi setiap makanan yang ditawarkan sehingga 31 Ogos ini. **W.K**



### INFO HAYAT POLO CAFE

Alamat: Jalan Kandang Kuda, Equestrian Park, 62200 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Masa: Setiap hari Isnin hingga (9.00 pagi hingga 12.00 malam)

Laman sosial: Instagram: @hayatpolocafeandbistro

No tel: 019-450 5522  
(Rosehayati)

RESTORAN ini mempunyai ruang selesa yang boleh memuatkan seramai 100 orang dalam satu masa.

# RM9 juta bagi kerja penyelenggaraan di Putrajaya



DIANA AMIR

**S**EJUMLAH RM9 juta diperuntukkan dengan anggaran lebih 300 kerja-kerja kecil bagi kerja penyelenggaraan dan pembaikan di seluruh Putrajaya dicadang untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata setiap tahun Perbadanan Putrajaya (PPj) akan memperuntukkan sejumlah dana bagi kerja pembaikan di seluruh Putrajaya.

"Setiap tahun, PPj memperuntukkan sejumlah dana bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan di seluruh Putrajaya. Peruntukan ini adalah termasuk pelaksanaan perolehan kerja-kerja *requisition*, iaitu kerja-kerja kecil atau pembaikan yang tidak mengubah struktur asal bangunan.

"PPj menganggarkan lebih 300



FADLUN melakukan cabutan kerja undi bagi kontraktor bumiputera kelas G1 di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj baru-baru ini.

kerja-kerja kecil dicadang untuk dilaksanakan pada tahun ini yang melibatkan peruntukan berjumlah RM9 juta," jelas beliau satu Majlis Cabutan Kerja Undi telah diadakan bagi memudahkan proses kerja tersebut.

Fadlun berkata antara objektif penganjuran Majlis Cabutan Kerja Undi adalah bagi membantu

kontraktor kecil di Putrajaya yang terjejas pendapatannya.

"Objektif penganjuran Majlis Cabutan Kerja Undi ini adalah bagi mempercepatkan pelaksanaan kerja selain membantu kontraktor-kontraktor bumiputera kelas G1 di Wilayah Persekutuan Putrajaya menjana semula ekonomi yang terjejas akibat penularan

pandemik COVID-19 dan ia telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar," ujar beliau yang mana majlis tersebut merupakan kali kedua dianjurkan.

Tambah beliau, Majlis Cabutan Kerja Undi peringkat pertama telah dilaksanakan pada 29 Mac lalu melibatkan peruntukan RM1,297,982.60 juta dengan 32 jumlah kerja manakala nilai peruntukan bagi kerja undi peringkat kedua ini dianggarkan berjumlah RM1,016,437.72 diikuti kerja-kerja kecil sebanyak 40.

Menjelaskan berkenaan pelaksanaan kerja undi, Fadlun berkata PPj masih mengambil pendekatan sejarah dengan tatacara perolehan semasa.

"Bagi pelaksanaan kerja undi ini, PPj masih mengambil pendekatan sejarah dengan tatacara perolehan semasa di mana kerja undi yang ditawarkan bernilai RM50 ribu dan ke bawah. Secara tidak langsung, lebih banyak kerja undi dapat ditawarkan dan lebih ramai kontraktor kecil yang akan mendapat peluang.

"Pengagihan kerja melalui kaedah ini juga dilihat sebagai lebih telus dan saksama selain berpotensi merancakkan semula rantaian ekonomi yang terhasil daripada aktiviti infrastruktur dan pembinaan," jelas beliau.

Dalam pada itu, PPj turut menyeru kontraktor yang berjaya dalam sesi undian untuk sentiasa memamerkan prestasi yang cemerlang dan lebih berinovasi seiring perkembangan teknologi.

"Kita juga menyeru kontraktor-kontraktor yang berjaya dalam sesi undian ini untuk sentiasa memamerkan prestasi cemerlang dan memastikan kerja-kerja diselesaikan mengikut tempoh masa dan spesifikasi seperti ditetapkan. Prestasi yang mereka tunjukkan bakal memberikan impak besar dan merupakan cerminan kepada imej serta profil bandar raya ini.

"Selain itu, pihak kontraktor diharapkan lebih tekun dan berinovasi dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutamanya dalam industri pembinaan seiring dengan perkembangan teknologi dan peredaran zaman," kata beliau. **WK**

## 43 peratus warga Putrajaya hidup obesiti

**PROGRAM** *Fat To Fit @ Putrajaya* merupakan antara usaha Perbadanan Putrajaya menerusi Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya dalam menangani masalah berat badan dan obesiti khususnya dalam kalangan warga kerja dan komuniti Putrajaya.

Dengan kerjasama rakan strategik Absolute Wellness, ia dilaksanakan bagi mewujudkan komuniti lestari yang sihat dan sejahtera di Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Pembangunan Mampan dan Perumahan, Jabatan Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya (PPj), **TPr Noor Sita Abbas**, terdapat 37 peratus (%) penduduk Putrajaya mempunyai berat badan berlebihan.

"Berdasarkan kepada kajian Mobiliti dan Kesihatan Kebangsaan (NHMS) 2015, terdapat 37% penduduk Putrajaya mempunyai berat badan berlebihan dan 43% pada kadar obesiti," katanya.

Noor Sita berkata program tersebut telah diadakan pada tahun 2020 hingga kini dan ternyata mendapat sambutan menggalakkan daripada warga komuniti Putrajaya.

"Pada tahun ini seramai 135 peserta telah menyertai program tersebut dan mereka berjaya menjalani 12 sesi latihan dan dua sesi webinar.

"Ia memberi fokus kepada teknik penurunan berat badan dan ia selaras dengan matlamat pembangunan mampan Sustainable Development Goals (SDGs).

"Fokus teknik penurunan berat badan adalah melalui amalan sihat dan selamat serta dipantau oleh pakar kesihatan dan pemakanan Absolute Wellness. Tahniah diucapkan kepada kesemua peserta yang telah berjaya menurunkan berat badan dan mereka sangat komited serta bersungguh-sungguh menjayakannya," ujarnya.

"Dalam masa yang sama juga,

pelaksanaan *Program Fat To Fit @ Putrajaya 2022* adalah selaras dengan matlamat pembangunan mampan Sustainable Development Goals (SDGs) iaitu SDGs 3: Good Health and Well Being dan SDGs 11: Sustainable Cities and Communities dan SDGs17 : Partnerships for the Goals.

"PPj melalui LA21 akan meneruskan program ini pada tahun hadapan dengan jalinan kerjasama rakan strategik dan menyasarkan jumlah peserta melebihi 150 orang. Kepada mana-mana pihak ingin bersama-sama menjayakan program ini, sila hubungi Sim Ee Chai di talian **012-380 7658**," ujarnya.

Berkongsi kejayaan Program *Fit To Fit @ Putrajaya*, Noor Sita berkata program yang bermula pada 13 Jun hingga 21 Julai lalu, Noor Sita berkata program tersebut berjaya mencatatkan penurunan yang tertinggi sebanyak tujuh kilogram menerusi kategori lelaki dan wanita.



PESERTA program bergambar pada Majlis Penutup dan Anugerah Program Fat To Fit @ Putrajaya baru-baru ini.

**PERTANDINGAN KIBAR JALUR GEMILANG SEMEPNA HARI KEMERDEKAAN 2022**

**KATEGORI**  
**PERSATUAN PENDUDUK WILAYAH PUTRAJAYA**

**HADIAH MENARIK MENANTI PEMENANG**

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

- 1 Pertandingan adalah terbuka kepada Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya yang berdaftar secara sah dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sahaja.
- 2 Hanya 15 Persatuan Penduduk terawal berdaftar sahaja layak menyertai pertandingan ini.
- 3 Pihak urusetia akan menghubungi Persatuan Penduduk yang telah lengkap mengisi borang pendaftaran bagi urusan seterusnya.
- 4 Tempoh pertandingan adalah bermula pada 1 Ogos - 31 Ogos 2022.
- 5 Moklumat lanjut, boleh menghubungi urus setia pertandingan di talian 03-8887 7580.

Untuk Pendaftaran:  
Imbas QR Kod atau Sila Layari  
<https://tinyurl.com/JALURGEMILANG2022>

Jadikan hoki sebagai kerjaya

# Fitri cabar diri bergelar pemain profesional

SABRINA SABRE

**S**ERINGKALI menyandang gelaran juara setiap kali bertanding dalam sebarang kejohanan hoki yang disertai, atlet Wilayah Persekutuan, **Muhammad Fitri Khairul Ariffin**, 23, berazam mahu bergelar pemain hoki profesional.

Namun, kekangan pandemik COVID-19 dua tahun lalu sedikit sebanyak menghalang dia dan ahli pasukan lain untuk mempamerkan kecemerlangan dalam sukan yang diminati sejak di bangku sekolah lagi.

Biarpun agak lewat untuk menyinar dalam sukan hoki, namun peluang terbentang setelah pandemik COVID-19 beransur pulih tidak disia-siakan olehnya. Malah, dia kini bangkit dengan penuh semangat.

"Dua tahun saya duduk saja kerana tidak dapat menjalani latihan di padang sepanjang tempoh tersebut. Sekarang tiba masanya untuk saya buktikan kemampuan dalam sukan hoki," ujarnya yang mendapat sokongan penuh jurulatih pasukan, James Murthy.



AKSI Fitri dalam Kejohanan Piala Tun Abdul Razak di Stadium Hoki Bukit Jalil, tahun lalu.



Katanya, jurulatihnya merupakan antara individu yang banyak membantu memulihkan semangat dia dan pasukannya sepanjang tempoh pandemik selain menjalani latihan secara dalam talian.

"Tanpa dia kami pasti hilang arah. Dia banyak membantu kami dengan cara latihan yang tersendiri. Kejayaan yang saya peroleh sebelum ini bertitik tolak dari pada kekuatan, sokongan dan tunjuk ajarnya."

"Apa yang boleh saya kongsi, setiap kali berlatih, dia akan memastikan semua posisi berada dalam keadaan yang tepat. Melalui itu juga dia dapat melihat kelemahan dan kelebihan setiap pemain," ujar pelajar jurusan Ijazah Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Pemain yang berada di posisi penyerang ini berkata dia sangat menyokong cara latihan tersebut kerana langkah itu dapat membantu menyusun pemain di setiap posisi dengan tepat mengikut kelebihan masing-masing.

Berkongsi pandangan tentang sukan hoki, anak kelahiran Negeri Sembilan ini percaya hoki boleh dijadikan sebagai kerjaya bukan hobi semata-mata malah peluang wajar diberikan kepada bakat-bakat muda untuk dijadikan sebagai

## Pencapaian Muhammad Fitri

2019 – TNB Malaysian Junior Hockey League – Division 1 – Johan

2018 – TNB Malaysian Junior Hockey League – Division 1 – Johan

2017 – TNB Malaysian Junior Hockey League – Division 1 – Johan

2016 – TNB Malaysian Hockey League – Division 1 – Naib Johan

2016 – Kejohanan Hoki MSSM – U18 – Johan

2016 – SUKMA – Tempat ke-4

pelapis.

"Kalau kita lihat, banyak pemain hoki atau pelapis muda yang bagus zaman sekarang, jadi kalau ada pelapis yang berpotensi eloklah dilipat dengan sebaiknya kerana sukan ini bukan sahaja dapat membuka peluang mereka menonjolkan bakat dan kemahiran yang ada tetapi juga dapat dijadikan sebagai kerjaya," ujar atlet hoki yang mula aktif sejak umur sembilan tahun ini.

Bercerita lanjut tentang perkembangan terbaru, anak sulung daripada dua adik-beradik ini tidak sabar untuk beraksi pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang berlangsung pada September depan. **WK**

## 2,000 peserta berentap bergelar atlet Wilayah

HAZIRAH HALIM

**S**ERAMAI 2,000 peserta Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan 2022 berentap untuk bergelar atlet Wilayah Persekutuan (Wipers) sekaligus melayakkan mereka untuk menyertai kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) pada masa hadapan.

Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dr Hasnul



DR HASNUL

Faizal Hushin Amri berkata kesemua peserta yang mengikuti 14 kejohanan sukan yang dipertandingkan akan dipilih berdasarkan prestasi dan tahap kelayakan bagi sesuatu permainan.

"Dalam proses ini, kita akan mengetahui pasti bakat-bakat baru yang akan menjadi pelapis untuk mengantikan atlet sedia ada yang tidak dapat lagi mewakili mana-mana kejohanan sukan kerana sudah melebihi had umur SUKMA."

"Kita juga akan melihat bakat-bakat mereka mengikut kategori sukan yang disertai kemudian dinilai dari segi prestasi untuk mengetahui jenis kategori sukan yang layak dan lebih sesuai dengan bakat yang dimiliki."

"Jika mere-

ka menepati kriteria, kita akan serap ke program pelapis untuk dilatih sekali gus membolehkan bakat-bakat muda yang berumur 12 hingga 19 tahun ini menjadi pelapis bagi satu atau dua kitaran SUKMA sehinggalah umur mereka mencapai syarat menyertai sukan tersebut," kata beliau ketika dihubungi *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, enam lagi jenis sukan Karnival Bakat Sukan Wilayah Persekutuan 2022 akan dipertandingkan pada bulan Ogos dan Oktober ini antaranya pencak silat, berbasikal, gimnastik, angkat berat, wushu, gimrama dan skuasy.

"Pihak MSWP juga akan memilih atlet-atlet terbaik untuk mewakili Wilayah Persekutuan dalam Karnival Bakat Sukan peringkat kebangsaan yang akan berlangsung di Johor pada pertengahan bulan Ogos ini," ujar beliau.

Berkongsi tentang persiapan SUKMA, beliau berkata atlet Wilayah Persekutuan sudah bersedia 80 peratus untuk menghadapi kejohanan tersebut yang akan berlangsung pada 16 hingga 24 September ini.

"Dari segi latihan, kita sudah memasuki fasa akhir dan sedang mempersiapkan atlet dengan memperbanyak kem intensif bagi semua jenis sukan," ujar beliau yang turut memberitahu kem tersebut telah bermula pada 1 Ogos lalu sehingga SUKMA berlangsung. **WK**



## Bersukan air di Putrajaya menjelang Hari Merdeka

**B**ERSEMPENA dengan Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-65, Kelab Tasik Putrajaya bakal menganjurkan Putrajaya Lake Club Merdeka Paddle Day 2022 bertempat di Kelab Tasik Putrajaya pada 28 Ogos 2022.

Mereka yang berminat dan memiliki peralatan sukan air dialu-alukan untuk menyertai pelbagai acara menarik seperti kayak, perahu naga, mendayung

dan luncur air akan dipertandingkan pada hari tersebut bermula pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Yuran pendaftaran RM70 untuk Ahli Kelab Tasik semestara RM100 kepada bukan ahli.

Pakej yuran termasuk t-shirt, sarapan pagi, makan tengah hari dan sijil. Sebarang penyerahan hubungi **018-236 5780 / 03-8889 5008**. **WK**





**Fitri cabar  
diri bergelar  
emain profesional**

► 23

## KWP bantu anak yatim sepuluh beradik - Jalaluddin

AZLAN ZAMBYR

**S**ELEPAS ibu meninggal dunia dengan mengejut 1 Ogos lalu, tugas sebagai ketua keluarga digalas anak sulung ini bagi menyara sembilan adik-beradik.

Tanggungjawab yang digalas di bahu **Ahmad Danial Faiz Abdul Latif**, 24, amat berat kerana ia hadir sekelip mata tanpa ada sebarang petanda.

"Sebenarnya ibu memang tidak ada sakit apa-apa, namun ketika malam kejadian, beliau sedang melihat telefon dan tiba-tiba ia jatuh dari genggamannya dan ibu terus tidak sedarkan diri dan disahkan meninggal dunia kerana komplikasi jantung," katanya kepada *Wilayahku* selepas lawatan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias di rumahnya di Wangsa Maju pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun dan Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju, Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah.

Bercerita lanjut, Ahmad Danial Faiz berkata menjadi yatim piatu sekelip mata amat memilukan kerana beliau mempunyai adik-adik



JALALUDDIN (dua dari kiri) berbincang dengan wakil Jabatan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menempatkan 10 beradik ini di Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka.

yang masih bersekolah dan belum puas mendapat kasih sayang dari ibu dan bapa.

"Bapa saya meninggal dunia pada tahun lalu dan apabila secara tiba-tiba ibu pula menyusul, ia amat menyediakan kerana kebanyakkan kami semua manja dengan ibu.

"Namun, sudah ketentuan takdir kami perlu harungi dugaan ini dan *alhamdulillah* ahli keluarga ibu dan bapa ada datang melawat serta mengambil berat mengenai kami

semua," katanya.

Beliau yang bekerja sebagai operator menzahirkan kesyukuran apabila ditawarkan menduduki rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan tanggungan awal daripada Pejabat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

"*Alhamdulillah* syukur, ini adalah rezeki adik-beradik, meskipun sedih tetapi ia terubat apabila mendapat tawaran rumah.

"Rumah yang diduduki kini ada-

lah sewaan dan ia ditanggung oleh syarikat arwah ayah dahulu dan kami tinggal di sini baru setahun sahaja," katanya.

Ujarnya, beliau turut mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan semua pihak terutama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana menghulurkan bantuan untuk

mereka meneruskan kehidupan.

Sementara itu, Jalaluddin berkata di atas keprihatinan dan musibah yang menimpak 10 beradik tersebut, pihaknya akan mempercepatkan penawaran rumah PPR bagi memudahkan mereka meneruskan kehidupan di rumah baharu.

"Saya akan pastikan selewat-lewatnya Jumaat ini mereka akan mendapat surat tawaran bagi menduduki rumah PPR ini dan segala bayaran pendahuluan akan diproses oleh pejabat saya.

"Selewat-lewatnya sebelum hujung minggu ini mereka akan berpindah ke unit tersebut dan rumah yang ditawarkan itu telah pun dibaik pulih dengan peralatan asas turut diberikan untuk kegunaan mereka," katanya.

Tambahnya, bantuan-bantuan lain seperti daripada JKM dan YWP akan diberikan bagi menampung perbelanjaan anak-anak sekolah rendah ini.

"Datuk Shafei juga ada mengusahakan bantuan JKM dan ia akan diteruskan dan dibayar melalui ketua keluarga iaitu anak sulung ini," katanya.

Dalam pada itu, Zaizalnizam berkata pihaknya YWP akan menyalurkan bantuan pendidikan kepada 10 beradik ini termasuklah sumbangan bayaran khairat kematian di atas kematian ibu mereka.

"YWP juga bersetuju akan memberikan bantuan biasiswa kecil untuk anak-anak yang sekolah menengah, bantuan awal ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk tiga adik beliau dan dua lagi adiknya adalah pelajar sekolah rendah yang akan menerima bantuan RM200 serta beg sekolah," katanya. WK

## Kejayaan Bujang Lapok bakal terulang?

DEEL ANJER

**FILEM** bergenre komedi romantis, *Gadis Jolobu The Movie* arahan CL Hor dikatakan bakal mengulangi kejayaan filem lagenda Tan Sri P Ramlee iaitu *Bujang Lapok*.

Kisah tiga bujang terlajak mencari jodoh dalam filem ini mengetengahkan dialek Negeri Sembilan, malah mengangkat keunikan adat pepati dan keunikan budaya Minangkabau sebagai tarikan.

Projek mega dimeterai antara syarikat hiburan terkemuka Asia Pasifik, Tremendous Entertainment dan Zebra Studio Sdn Bhd diterajui pelakon, penyanyi dan pelawak berpengalaman seperti Datuk Hattan, Khir Rahman, Joey Daud serta memperkenalkan bintang baharu yang juga pengacara, Ahirine Ahirudin.

Pengasas dan Pengarah Zebra Studio, **Saraleana Nattaya Azmi** berkata pihaknya mahu menghasilkan filem yang mempunyai elemen muzikal dan banyak lagu seperti zaman Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee dan filem *Bujang Lapok* dulu.

"Bukan senang menampilkan filem genre komedi yang ada sentuhan klasik, tetapi pengarah berpengalaman seperti CL Hor berjaya merealisasikannya.

"Sebenarnya filem ini adalah susulan sambutan lagu duet Hattan bersama Waris, *Gadis Jolobu* meraih tontonan hampir 10 juta menerusi laman YouTube.

"Sebagai legenda rock, Hattan tidak pernah memegang watak hero sepanjang berkecimpung dalam industri seni tanah air," katanya.

Beralih cabaran sebagai penerbit, Saraleana berkata dia perlu menyelesaikan penggambaran

filem *Gadis Jolobu The Movie* dalam tempoh 14 hari ditetapkan.

"Penggambaran filem membabitkan lokasi sawah padi di Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan pada Mac lalu.

"Saya turun padang dalam keadaan cuaca panas untuk memastikan filem ini selepas penggambaran dalam tempoh ditetapkan.

"Saya bersyukur Golden Screen Cinemas (GSC) memberi sokongan pada pembikinan filem dan memilih tarikh tayangannya pada 4 Ogos ini," katanya.

Filem *Gadis Jolobu The Movie* mula ditayangkan di pawagam GSC di seluruh negara bermula 4 Ogos, manakala platform *Over-The-Top* (OTT), *Get PLAY* tidak lama lagi.

Gadis Jolobu The Movie memaparkan kisah tiga bujang terlajak yang rapat sejak kecil dan



PENAMPILAN Hattan dalam *Gadis Jolobu The Movie* satu pilihan yang tepat.

berusaha mencari jodoh di kampung halaman.

Sumpahan 'lambat sunat, lambatlah kahwin' sering ber-

main dalam fikiran menyebabkan mereka berusaha mencari jodoh walaupun menghadapi pelbagai dugaan. WK